**KN alu pulih bangunan usang** MS 7



**Mudarat rokok** MS 20



**Peraduan Mewarna** MS 28




PERCUMA

# buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com

16 – 31 DISEMBER 2013

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng




**Selamat Menyambut Hari Natal dan Tahun Baru 2014.**

# Wira disanjung...

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Seramai 10 keluarga terdiri daripada balu dan waris wira negara yang terkorban ketika bertugas di Ops Daulat, Lahad Datu, Sabah pada Februari lalu masing-masing menerima sumbangan bernilai RM30,000 daripada Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Majlis penyampaian sumbangan keseluruhan berjumlah RM300,000 disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kepada Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang mewakili pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) manakala Panglima Dua Divisyen Infantri, Mejar Jeneral Datuk Mohd. Shukri Ahmad, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menggantikan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein yang tidak dapat hadir.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Eng ketika berucap melahirkan rasa simpati dan takziah rakyat Pulau Pinang kepada keluarga dan waris anggota keselamatan negara yang terkorban demi mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman pengganas.

"Meskipun mereka yang terkorban bukanlah berasal dari Pulau Pinang, tetapi ia bukanlah alasan Kerajaan Negeri menolak untuk berdiri teguh dan menyokong penuh semangat anggota-anggota keselamatan negara yang sentiasa bersiap siaga mempertahankan negara.

"Tanpa mengira Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, samada dari Pulau Pinang ataupun Sabah, kita semua adalah rakyat Malaysia yang bersatu hati mempertahankan kedaulatan negara sehabis yang mungkin," katanya pada Majlis Penghormatan dan Sumbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Wira-wira Negara di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, barisan kepimpinan negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi dan Ketua Polis Negeri Pulau Pinang, Datuk Abdul Rahim Hanafi.

Februari lalu, seramai 10 pegawai-pegawai serta anggota-anggota keselamatan negara terkorban dalam Ops Daulat bagi mempertahankan negara daripada pencerobohan.

Antara mangsa-mangsa terkorban adalah Asisten Supritenden (ASP) Zulkifli Mamat, 29, dari pasukan Komando PDRM (VAT 69); Sarjan Sabaruddin Daud, 46, (VAT 69); ASP Michael Padel, 36, dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Samporna, Sabah; Asisten Komisioner (ACP) Ibrahim Lebar, 52, dari Cawangan Khas Bukit Aman PDRM; Sarjan Abdul Azis Sarikon, 48, dari Pasukan Gerakan Am (PGA), Tawau; Lans Koperal Mohd. Azrul Tukiran, 27, dari PGA, Tawau; Sarjan Detektif Baharin Hamit, 49, dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah; Koperal Salam Tugiran, 42, dari IPD Tawau; Prebet Ahmad Hurairah, 24, dari Rejimen Askar Melayu DiRaja (RAMD) Tawau dan Prebet Ahmad Farhan Ruslan, 21, dari RAMD Kota Kinabalu.




**KETUA Menteri (tiga dari kanan) berjabat tangan dengan Dr. Ahmad Zahid Hamidi (empat dari kanan) sambil memegang replika cek disumbangkan kepada balu dan waris wira negara yang terkorban ketika bertugas di Ops Daulat pada Majlis Penghormatan dan Sumbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Wira-wira Negara di sini baru-baru ini.**




**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Mohd. Shukri Ahmad (tiga dari kanan) sambil memegang replika cek sumbangan.**

Tambah Guan Eng, pencerobohan pengganas di Lahad Datu menjadi realiti sejarah yang menyedarkan kita tentang erti kedaulatan negara, malah, bait-bait lagu Negaraku bukan sekadar untuk dihayati tetapi dibuktikan dengan tindakan dan pengorbanan.

Dalam pada itu, Dr. Ahmad Zahid menzahirkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menghargai perjuangan wira-wira negara yang terkorban ketika mempertahankan kedaulatan negara.

"Sesungguhnya usaha sebegini wajar dipuji supaya kita bersama-sama mengambil pendekatan yang sama sejajar tanpa mengira perbezaan dan latar belakang fahaman politik, dengan semangat perpaduan yang disemai dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Sebagai tanda solidariti dan persahabatan yang seharusnya terjalin antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, saya percaya kerjasama sebegini dapat mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap usaha-usaha kepimpinan negara terutama dalam isu keselamatan negara," ucap beliau di hadapan kira-kira 300 tetamu yang hadir di perkarangan Dewan Bandaraya di sini.

# Peraturan perumahan baru negeri kuatkuasa 1 Feb.

Oleh : **YAP LEE YING & WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** - Peraturan perumahan baru diumumkan dalam Pembentangan Bajet 2014 Negeri Pulau Pinang di Dewan Undangan Negeri (DUN) dan cadangan berkuatkuasa bermula 1 Februari 2014 dirancang untuk melindungi negeri daripada terjejas akibat gelembung hartanah.

Pada masa sama, inisiatif tersebut juga bagi memastikan perumahan awam dan perumahan mampu milik yang dibeli pembeli tulen kali pertama yang layak daripada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab bagi memastikan pertumbuhan ekonomi mapan dan kekal membangun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa berhati-hati bagi mengelakkan daripada terperangkap dalam mana-mana gelembung hartanah yang kelak akan menjejaskan dan merosakkan ekonomi.

"Jepun adalah satu contoh terbaik mengenai bahayanya gelembung hartanah. Peraturan-peraturan perumahan ini telah dibincangkan bersama-sama dengan pemegang-pemegang amanah terutamanya dari industri hartanah yang membantah cadangan ini.

"Justeru, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Dana Perumahan Awam dan Mampu Milik berjumlah RM500 juta untuk membina 20,000 unit perumahan awam dan perumahan mampu milik meliputi kesemua lima daerah di Pulau Pinang.

"Ini adalah peruntukan terbesar yang ditubuhkan oleh mana-mana Kerajaan Negeri dalam sejarah Malaysia untuk membina perumahan awam yang mampu milik.

"Malah, secara dasarnya, peraturan baru ini dilihat perlu memandangkan Kerajaan Negeri amat prihatin sekiranya pembelian rumah pertama tidak diberi peluang untuk membeli rumah dan bagi mengurangkan eksploitasi meraut keuntungan," katanya dalam kenyataan media di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, lanjutan daripada itu, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan Skim Perkongsian Hakmilik atau *Shared Ownership Scheme* (SOS) yang julung kali dilaksanakan di Malaysia iaitu inisiatif bersejarah pembelian bersama antara Kerajaan Negeri dan Pembeli Kurang Berkemampuan yang telah terlepas daripada mendapatkan 90 peratus atau 100 peratus pinjaman bank dengan menawarkan 30 peratus pinjaman tanpa faedah daripada Kerajaan Negeri manakala baki pinjaman 70 peratus adalah daripada pihak bank berbanding 90 peratus atau 100 peratus pinjaman bank.

"Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan Skim Sewa dan Beli atau *Rent-Buy Scheme* untuk golongan tidak berkemampuan yang tidak layak untuk memperoleh mana-mana pinjaman bank atau bank yang enggan memberi sebarang pinjaman kepada mereka," jelas beliau.

Tambah beliau, sebagai sebuah kerajaan berjiwa rakyat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mahu mencapai demokrasi perumahan yang membenarkan setiap keluarga yang bekerja memiliki rumah sendiri.

"Keutamaan adalah bagi memastikan perumahan awam (kos rendah dan kos sederhana rendah) dimiliki oleh mereka yang tidak berkemampuan dan pembeli tulen kali pertama.

"Kerajaan Negeri komited membantu pembeli kali pertama agar berpeluang membeli rumah mampu milik dan bersedia untuk menerima sebarang kritikan atau berdepan cabaran undang-undang daripada mereka yang menentang komitmen ini," tegasnya.

Malah, nyatanya, Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada mesyuarat baru-baru ini juga telah memperhalusi peraturan perumahan baru ini demi jelas dan pasti seperti di bawah :

**A, Perumahan Awam – Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah**

- Semua rumah kos rendah (sehingga RM42,000) dan rumah kos sederhana rendah (sehingga RM72,500) yang dibeli tidak boleh dijual dalam tempoh 10 tahun dari tarikh Perjanjian Jual dan Beli.
- Mereka yang ingin menjualnya dalam tempoh 10 tahun pertama perlu membuat rayuan kepada Kerajaan Negeri dan hanya boleh dijual kepada pembeli tersenarai atau *listed buyers*.
- Harga niaga tidak akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri tetapi akan diberikan kepada pembeli berkemampuan, kesediaan pembeli atau *willing buyer, willing seller* oleh kedua-dua pembeli tersenarai dan penjual.
- Pembeli yang disenaraikan adalah mereka yang telah berdaftar dengan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri dan disahkan sebagai golongan berpendapatan rendah yang layak untuk membeli rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah.
- Peraturan 10 tahun ini akan meliputi semua belian yang lepas dan akan datang.
- Cabutan rumah akan tertakluk kepada pegawasan oleh sebuah firma audit – pertama kali dilaksanakan oleh mana-mana Kerajaan Negeri di Malaysia.

( ●*sambungan di muka surat 5.*)



**PENGUNJUNG memerhatikan replika rumah yang dipamerkan pada Majlis Pelancaran Borang Baru Permohonan Rumah Kos Rendah, Sederhana Rendah dan Mampu Milik Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

## Harga hartanah naik, Kerajaan Negeri tiada kaitan - REHDA

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**



**TOH Chin Leong.**

**GEORGE TOWN –** Timbalan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Pulau Pinang, Toh Chin Leong menegaskan bahawa kenaikan harga hartanah di negeri ini adalah dipengaruhi oleh prinsip permintaan serta penawaran dan bukannya polisi Kerajaan Negeri.

Beliau berkata demikian bagi mengulas lanjut siaran artikel bertajuk, '*Land prices in Penang likely to rise next year*' dalam ruangan Business Times akhbar perdana Bahasa Inggeris, *New Straits Times* (NST) bertarikh 11 Disember lalu.

Chin Leong memberitahu, kenaikan harga hartanah di kawasan-kawasan utama bukan sahaja melanda Pulau Pinang, malah turut melibatkan seluruh negara secara keseluruhannya.

"Banyak faktor yang mempengaruhi kenaikan hartanah, antaranya peningkatan harga kos pada peringkat perancangan dan rekabentuk serta faktor-faktor luaran seperti peningkatan harga bahan bakar seperti minyak serta penggunaan tenaga," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

Tambah beliau, kenaikan tersebut turut dipengaruhi oleh pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebanyak enam peratus mulai April 2015 dan kekurangan tenaga buruh (90 peratus).

"Malah jika dilihat, harga tanah yang turut meningkat sehingga 300 peratus terutama di bahagian pulau juga menyebabkan harga hartanah di sini (bahagian pulau) lebih tinggi berbanding Seberang Perai.

"Kenaikan drastik harga bahan mentah dan binaan seperti simen, tanah, pasir, besi tetulang, balak dan kos jentera turut menjadi faktor penyumbang gejala ini," jelas beliau.

Chin Leong dalam pada itu turut menjelaskan bahawa kenaikan kos pematuhan tiga peratus daripada anggaran keseluruhan kos sebagai deposit kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mendapatkan lesen pemaju serta kos pembangunan juga merupakan faktor penyumbang.

"Jelas, ia tiada kaitan yang menunjukkan penglibatan Kerajaan Negeri berhubung hal ini (kenaikan harga hartanah di Pulau Pinang)," tegas beliau.

**Faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan harga rumah yang dibangkitkan oleh REHDA adalah :**

- Pengenaan 6 peratus Cukai GST menjelang April 2015.
- Harga tanah yang terlalu tinggi, meningkat 100 – 300 peratus di lokasi-lokasi utama di pulau.
- Peningkatan yang mendadak dalam kos bahan binaan seperti simen, pasir, kayu, jentera dan lain- lain.
- Kenaikan bahan api dan tenaga.
- Kekurangan tenaga kerja di mana 90 peratus daripada pekerja binaan sekarang adalah terdiri daripada warga asing.
- Peningkatan kos pematuhan seperti 3 peratus daripada anggaran kos sebagai deposit untuk KPKT bagi mendapatkan lesen pemaju, kos-kos lain seperti sumbangan kos rendah, sumbangan tempat letak kereta, caj pembangunan juga telah meningkat sejak tiga hingga lima tahun lepas.

REHDA Penang telah menjelaskan kos pecahan pembinaan rumah adalah seperti di bawah :

**Jumlah kos keseluruhan (100%)**

| | |
|---|---|
| Pembinaan/bahan | 55-60% |
| Kos tanah | 20-25% |
| Kos Pematuhan | 12-15% |
| Lain-lain *(overhead,* pemasaran dan lain- lain) | 8-10% |

**Mesyuarat Kedua Penggal Pertama DUN Pulau Pinang Kali Ke-13.** Liputan oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

# Perkenal Tabung Usahawan Tani Muda selepas PTSR

**GEORGE TOWN -** Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon berkata, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Tabung Usahawan Tani Muda dengan jumlah pinjaman mikrokredit sebanyak RM5,000 seorang bermula tahun hadapan.

Beliau berkata demikian sebagai respons kepada persoalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man berhubung peranan skim pinjaman Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) dalam membantu graduan kelahiran Pulau Pinang membina kerjaya masing-masing di negeri ini.

"Mulai tahun 2014, Kerajaan Negeri merancang pemberian dana Tabung Usahawan Tani Muda berjumlah RM5,000 seorang kepada bakal-bakal usahawan tani muda melalui skim mikrokredit (PTSR)," ujarnya pada Sesi Penggulungan Perbahasan Bajet 2014 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Mohd Rashid yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan & Koperasi dan Perhubungan Kemasyarakatan berkata, pihaknya turut menyambut baik cadangan ADUN Komtar, Teh Lai Heng supaya skim PTSR itu turut diperluaskan kepada artis-artis baru bagi meningkatkan aktiviti kesenian serta kebudayaan di negeri ini.



**KETUA Menteri, Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kanan), Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy (empat dari kanan) berjalan keluar bersama-sama barisan Exco Kerajaan Negeri dari bilik persidangan selepas selesainya Sidang DUN.**

Sehingga 30 November lepas, direkodkan, sebanyak RM3.062 juta dana PTSR dikeluarkan untuk 719 peminjam.

Mohd. Rashid berkata, 80 peratus peminjam adalah Bumiputera, manakala, peminjam Cina dan India masing-masing mewakili 10 peratus.

Terdahulu, Mohd. Rashid pada awal Oktober lepas mendedahkan bahawa Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) meluluskan RM5.907 juta kepada 1,491 usahawan kecil di negeri ini, tanpa riba atau 'bunga'.

## Laksana polisi anti monopoli gender - Soo Huey

**GEORGE TOWN -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey mencadangkan tiada monopoli gender melebihi 70 peratus sebagai wakil rakyat dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang kelak, sama ada lelaki atau perempuan.

Cadangan itu sebagai reaksi pada ucapan penggulungan Bajet 2014 oleh Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng yang menyarankan sekurang-kurangnya 30 peratus ADUN dan Ahli Parlimen adalah wanita.

"Saya bersetuju bahawa kita (Kerajaan Negeri) sangat memerlukan lebih ramai ADUN wanita kerana separuh daripada populasi rakyat Pulau Pinang.

"50 peratus (824,000 orang) adalah lelaki dan 50 peratus (823,700 orang) adalah wanita di Pulau Pinang," ujarnya dalam satu sidang media di DUN Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Chong Eng berkata, sepatutnya usaha menggalakkan lebih ramai wanita terjun dalam arena politik serta tadbir urus Kerajaan Negeri perlu digiatkan, bukan terbatas pada jawatan wakil rakyat.

Nada yang sama turut diluahkan oleh ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin dan Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang).

Dua wakil rakyat lelaki lain yang menyertai sidang media sama, ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon dan Teh Lai Heng (ADUN Komtar) masing-masing turut menyokong polisi anti monopoli gender tersebut.



**ADUN Jawi, Soon Lip Chee (berdiri, dua dari kiri) membantu menolak ADUN Pulau Tikus, Yap Soo Huey (berkerusi roda) sambil diperhatikan ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer.**

# Exco Kesihatan lancar 'Penang Sihat' tahun depan

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri akan melancarkan program 'Penang Sihat' dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri, iaitu penganjuran kem kesihatan di kawasan desa khusus untuk golongan berpendapatan rendah.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, program kempen kesedaran itu diharap dapat mempromosi gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat di negeri ini.

"Objektif utama progam ini adalah bagi membangkitkan kesedaran masyarakat berkenaan bahaya penyakit NCD (*Non communicable Disease)* seperti *Diabetes Mellitus, Hipertensi* dan penyakit *kardiovaskular.*

"Sebagai permulaan, program ini akan dilaksanakan sebulan sekali di setiap KADUN (Kawasan Dewan Undangan Negeri) di seluruh negeri Pulau Pinang," ujarnya. Pada sesi penggulungan perbahasan Bajet 2014 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



**LAW Choo Kiang (kanan sekali) beramah-mesra dengan ADUN-ADUN ketika Dewan berhenti rehat.**

Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya berkata, kekerapan program tersebut akan dipertingkatkan kelak berdasarkan respons rakyat di peringkat KADUN kelak.

Dalam perkembangan lain, Afif berkata, Kerajaan Negeri komited untuk terus menjayakan projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Juru seluas 115.2 hektar dan Zon Industri Akuakultur (ZIA) Penaga, Seberang Perai Utara (SPU) kelak.

Beliau berkata, kerjasama semua pihak berwajib dalam menjayakan dua projek penternakan itu dapat mengurangkan kebergantungan negeri pada produk-produk import nanti.

Sebelum itu, Afif mendedahkan bahawa pengeluaran produk pertanian seperti padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman ladang meningkat daripada dari 275,128.99 tan kepada 284,300.49 tan.

Peningkatan itu, katanya, menghampiri nilai pengeluaran RM647,634,557 juta.

"Purata pendapatan bulanan petani pula, meningkat pada kira-kira RM3,454.27," ujar beliau.

# Penerangan mengenai Sunni digandakan - Exco Agama

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri akan menggandakan usaha penerangan mengenai pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (Sunni) walaupun sudah ada larangan terhadap fahaman Wahabi serta Syiah di negeri berkenaan.

Menurut Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Majlis Fatwa Negeri pada 23 Mei 2012 telahpun melarang pembida 'ahan Wahabi ke atas amalan-amalan Sunni.

Manakala, larangan fahaman Syiah pula diwartakan pada 16 Januari 1997, jelas Abdul Malik.

"Kita akan membuat majlis penerangan mengenai Ahli Sunnah Wal Jamaah supaya tidak terpengaruh dengan yang lain selain daripadanya," ujarnya semasa sesi penggulungan di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini baru-baru ini.

Abdul Malik berkata, beliau yakin, umat Islam tidak akan terpengaruh dengan fahaman lain sekiranya diberi penerangan yang jelas mengenai keindahan Islam.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri turut "tiada rekod mengenai perkembangan dan jumlah pengikut kedua-dua fahaman (Wahabi dan Syiah) ini" sebagai menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam, Shariful Azhar Othman.

Difahamkan, tindakan boleh diambil mengikut Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Tahun 1996 selepas fatwa larangan kedua-dua fahaman itu diwartakan.

**Mesyuarat Kedua Penggal Pertama DUN Pulau Pinang Kali Ke-13.**

# Warta Masjid Jamek Batu Uban jadi bangunan bersejarah



LEE Khai Loon (berdiri, kiri sekali) bersama Exco dan barisan ADUN lain bergambar kenangan selepas sesi sidang media berhubung isu pelaksanaan polisi anti monopoli gender diadakan di sini.

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri wajar mewartakan Masjid Jamek Batu Uban yang didirikan pada tahun 1734 dan kini berusia kira-kira 279 tahun sebagai satu lagi produk warisan pelancongan, bersekali dengan bangunan-bangunan bersejarah lain di George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan berkata, langkah mewartakan bangunan bersejarah itu akan mengkayakan lagi produk pelancongan di negeri berkenaan.

"Kita minta Pulau Pinang memasukkan itu (Masjid Jamek Batu Uban) sebagai bangunan warisan pelancongan kerana masjid itu berusia lebih 200 tahun," ujarnya semasa sesi perbahasan Bajet 2014 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Difahamkan, Profesor Dr. Ahmad Murad Merican daripada Universiti Petronas dekat Perak pernah menyatakan bahawa Batu Uban adalah pelabuhan pertama dibuka sebelum George Town.

Dengan restu baginda Sultan Kedah Tuanku Muhamad Jiwa, Datuk Nakhoda Nan Intan membuka pulau ini 50 tahun sebelum kedatangan Kapten Francis Light pada tahun 1786.

Masjid Jamek Batu Uban yang didirikan seawal tahun 1734 lagi serta masih boleh disaksikan sampai sekarang membuktikan bahawa bangunan bersejarah itu wajar dinilai sebagai produk pelancongan Kerajaan Negeri yang bernilai.

Tambah Jayabalan, kedudukan Batu Uban di antara Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dekat Bayan lepas dan George Town menjadikan Masjid Jamek Batu Uban berada pada lokasi strategik untuk dikunjungi pelancong.

Direkodkan, seramai 464,455 pelancong asing direkod masuk pada tahun 2008, 614,039 orang pada tahun 2012.

## Bajet 2014 mendekati 'Rahmat Seluruh Alam' – Mohd. Salleh



KETUA Menteri berjabat tangan dengan ADUN Pulau Betong, Muhamad Farid Saad.

**GEORGE TOWN** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man menganggap 3P yang digagaskan sebagai teras utama pembangunan negeri dalam Bajet 2004 Pulau Pinang adalah mendekati maksud konsep 'Rahmat Untuk Semua'.

Memetik Bajet 2014, 3P yang digagaskan adalah merancakkan pertumbuhan negeri *(pro-growth)*, peluang-peluang pekerjaan *(pro-jobs)* dan menjamin keadilan sosio-ekonomi *(pro-poor)*.

"Apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri sekarang (Bajet 2014 Pulau Pinang), saya lihat bertepatan dengan tema (ucapan Presiden) PAS baru-baru ini, iaitu 'Rahmat Seluruh Alam'.

"Saya menyokong penuh pada perancangan Kerajaan Negeri dalam 3 teras Bajet 2014 tersebut," ujarnya semasa membahaskan Bajet 2014 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Mohd. Salleh, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) berkata, Bajet 2014 turut mendekati konsep 'Negara Berkebajikan'.

Dalam perkembangan sama, Mohd. Salleh mencadangkan supaya peruntukan pembangunan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) (P16-02/03) turut dinaikkan, memandangkan elaun ADUN, Ketua Pembangkang dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) masing-masing telah ditambah.

Sebelum itu, kesemua 10 ADUN Pembangkang bertindak keluar dari dewan selepas mendakwa ADUN Pakatan Rakyat, khususnya R.S.N. Rayer (Seri Delima) menghalang mereka menyertai proses perbahasan.



**MOHD. Salleh Man (kanan) berjabat tangan dengan salah seorang pengunjung.**

## Isu usir penduduk Kg. Pmtg. Tok Subuh ke DUN

**GEORGE TOWN** - Isu 35 penduduk asal Kampung Permatang Tok Subuh dekat Bukit Mertajam yang berdepan tindakan pengusiran daripada tuan tanah turut dibawa ke Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon menuntut campurtangan daripada pihak berwajib supaya situasi 'menang-menang' yang membabitkan tuan tanah, pemaju dan penduduk asal di atas tanah tersebut dapat dicapai bersama.

"Saya menyeru Pihak Berkuasa Negeri (PBN) agar menetapkan syarat yang jelas di mana pengusiran penduduk dan pembangunan di atas Lot 1258 tidak boleh dijalankan selagi rundingan belum selesai.

"Walaupun isu ini telah dibawa ke mahkamah oleh tuan tanah dan masih dalam proses perbicaraan, tetapi, proses rundingan tetap dijalankan supaya situasi 'menang-menang' boleh diputuskan bersama," ujarnya semasa sesi perbahasan Bajet 2014 di DUN Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Dalam satu pencelahan, ADUN Tanjong Bunga, Teh Yee Cheu mencadangkan supaya satu jawatankuasa khas ditubuhkan di bawah Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu di Permatang Tok Subuh dan bebarapa isu serupa di negeri ini.

Khai Loon bersetuju dengan cadangan Yee Cheu itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Khai Loon turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri di bawah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng serta Timbalan Ketua Menteri I Datuk Mohd. Rashid Hasnon kerana cakna dengan bencana banjir yang dialami penduduk asal Kampung Permatang Tok Subuh, sebelum ini.

Terdahulu, Guan Eng semasa bertemu penduduk di kampung berkenaan dilaporkan berkata, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak akan meluluskan sebarang permohonan pelan perancangan pembangunan di Kampung Permatang Tok Subuh sekiranya merugikan kepentingan penduduk asal di situ.

# Hasil negeri bertambah sebab jual tanah fitnah BN

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, RM96 juta daripada RM206 juta tambahan pendapatan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 adalah hasil daripada lanjutan pajakan tanah pada 99 tahun.

Penjelasan itu sekaligus menjawab fitnah pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang baru-baru ini kononnya tambahan pendapatan Kerajaan Negeri bagi tahun lepas adalah hasil daripada penjualan tanah dengan mengguna pakai prosedur perakaunan untuk mencantikkan lembaran kewangan.

"Ini adalah satu fitnah jahat kerana Datuk Pegawai Kewangan Negeri dan Jabatan Kewangan Negeri (JKN) tidak pernah terlibat dalam perakaunan kreatif yang mencantikkan akaun.

"Malah, akaun diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara," ujarnya pada sesi penggulungan perbahasan Bajet 2014 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Daripada tambahan RM206 juta itu, Guan Eng berkata, RM110 juta adalah hasil penjualan tanah Bayan Mutiara, sedangkan, baki RM96 juta adalah daripada lanjutan pajakan tanah pada 99 tahun.

"RM110 juta itu adalah 10 peratus daripada bayaran RM1.1 bilion untuk 105 ekar tanah di Bayan Mutiara yang dibayar sepenuhnya dalam masa lima tahun," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan & Warisan dan Hal Ehwal Agama Bukan Islam.

Sebelum itu, Guan Eng mendedahkan bukti berhubung Kerajaan Negeri era Barisan Nasional (BN) dahulu direkodkan menjual tanah 36 kali ganda, tetapi hasil jualan adalah sedikit berbanding yang dilakukan oleh pentadbirannya sejak tahun 2008.

Berdasar rekod, perbandingan keluasan serta pulangan hasil penjualan tanah oleh kerajaan BN dan Pakatan Rakyat (PR) di Pulau Pinang adalah seperti berikut :

**Penjualan Tanah Oleh Kerajaan BN**

| Saiz Tanah (ekar) | Lokasi | RM kps | Jumlah Harga Jualan (RM juta) |
|---|---|---|---|
| 980 | Tanjong Tokong | 1 | 42.7 |
| 325 | *Jelutong Expressway* | 20 | 325 |
| 750 | Batu Kawan (dijual kepada Abad Naluri) | 3.24 | 106 |
| 1606 | Butterworth (dijual kepada Rayston Consortium Sdn. Bhd.) | 8.40 | 584.9 |

**3,661ekar(Jumlah)** **RM 1.0586 bilion**

**lan Tanah Oleh Kerajaan PR**

| Saiz Tanah (ekar) | Lokasi | RM kps | Jumlah Harga Jualan (RM juta) |
|---|---|---|---|
| 1.1 | Jalan Zainal Abidin (atau Taman Manggis) | 232 | 10.2 |
| 105 | Bayan Mutiara | 240 | 1.1 |

**106.1ekar (Jumlah)** **RM 1.1102 bilion**

# Fitnah Pulau Mazhu, tidak dapat tunjuk bukti

Oleh: **YAP LEE YING & ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** UMNO masih tidak dapat tunjuk bukti atas dakwaan fitnah pihak terbabit bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang telah meluluskan nama Pulau Jerejak ditukarkan kepada Pulau Mazhu (satu dewa Buddha) dan juga untuk membina Tokong Mazhu di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam kenyataan akhbarnya berkata, walaupun tiada bukti ditunjukkan, perkara sensitif yang palsu diutarakan Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Datuk Jahara Hamid telah dimuatkan secara meluas dalam blog pro-UMNO untuk mencemarkan lagi imej Kerajaan Negeri PR dan beliau sebagai Ketua Menteri Cina dalam kalangan masyarakat berketurunan Melayu dan Islam.

"Dakwaan ini yang dibuat Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Jahara Hamid adalah sangat merbahaya kerana bersifat rasis dengan cuba menimbulkan isu agama dan kaum.

"Sebagai seorang peguam, beliau harus tahu bahawa sebarang penukaran nama pulau mesti melalui proses perundangan dan diwartakan," katanya di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, dalam persidangan mesyuarat kedua penggal pertama DUN Pulau Pinang Kali Ke-13, Jahara yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Air Tawar mendakwa bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang telah meluluskan nama Pulau Jerejak ditukarkan kepada Pulau Mazhu.

Guan Eng menegaskan, sebenarnya, bukan sahaja tidak ada sebarang penwartaan, malah tidak ada sebarang kelulusan oleh Kerajaan Negeri ataupun permohonan oleh mana-mana pihak untuk menukarkan nama Pulau Jerejak.

"Dengan sengaja menimbulkan nama dewa Buddha jelas sekali UMNO cuba menimbulkan kebencian kaum dan agama," ujar beliau.

Sementara itu, berhubung isu seorang penjaja berketurunan Cina dan Melayu (6) haram di sekitar kawasan Pantai Bersih, Butterworth, Seberang Perai Utara (SPU), Guan Eng turut menyifatkan ia sebagai dakwaan jahat bersifat rasis oleh Jahara.

"Satu lagi dakwaan jahat yang bersifat rasis oleh Jahara ialah mengapa hanya mengeluarkan kompaun saman dan tidak ada sebarang tindakan perobohan ke atas gerai haram Cina di Pantai Bersih, Butterworth.

"Beliau cuba mengaitkan tindakan penguatkuasaan perobohan tidak dikenakan ke atas gerai haram Cina dan hanya ke atas gerai Melayu," katanya.

Beliau memberitahu, usaha Jahara untuk mainkan api perkauman adalah tidak bertanggungjawab kerana laporan awal daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menunjukkan bahawa ada seorang penjaja Cina dan enam penjaja Melayu yang haram di sekitar Pantai Bersih.

"Sebenarnya, MPSP tidak mengambil tindakan perobohan bukan sahaja ke atas satu gerai haram Cina tetapi gagal juga bertindak ke atas enam gerai haram Melayu.

"Sekiranya Jahara cuba tanya mengapa tidak ada tindakan diambil ke atas ketujuh-tujuh gerai haram di Pantai Berish, ia adalah soalan munasabah.

"Tetapi, Jahara melampau bila cuba menjadikan ia satu isu perkauman dengan mensasarkan hanya sebuah gerai haram Cina bila ada juga enam lagi penjaja haram Melayu.

"Sekarang jelas, bukan sahaja UMNO memang rasis, yang dianggap pemimpin dan peguam yang munasabah seperti Jahara pun bersikap rasis," tegas Guan Eng.

## Laksana inisiatif pembelian bersama SOS

●*dari muka surat 2.*

**B. Perumahan Mampu Milik**

• Perumahan Mampu Milik diklasifikasikan sebagai rumah yang pada mulanya dibeli dengan harga di bawah RM400,000 di dalam Pulau dan RM250,000 di Seberang Perai.

•Perumahan mampu milik yang dibeli tidak boleh dijual dalam tempoh lima tahun dari tarikh Perjanjian Jual dan Beli.

•Mereka yang ingin menjual dalam tempoh lima tahun pertama perlu membuat rayuan kepada Kerajaan Negeri dan hanya akan dijual kepada "pembeli tersenarai".

•Harga rumah tidak akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri tetapi akan diberikan kepada *willing buyer, willing seller* oleh kedua-dua pembeli tersenerai dan penjual.

•Pembeli yang tersenarai adalah mereka yang telah berdaftar dengan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri dan disahkan sebagai kumpulan berpendapatan pertengahan yang berkelayakan untuk membeli perumahan mampu milik.

•Peraturan 5 tahun ini meliputi rumah yang diniagakan pada atau selepas 1 Februari 2014. Dengan erti kata lain, ia tidak akan di belakangkirakan(retrospektif), tetapi akan hanya ke atas Perjanjian Jual dan Beli yang ditandatangani pada atau selepas 1 Februari 2014.

**C. Pembelian oleh Bukan Warganegara**

• Bukan warganegara hanya boleh membeli hartanah di Pulau Pinang yang melebihi RM1juta dan bagi tanah dan bangunan di Pulau mesti melebihi RM2 juta.

•Semua pembelian hartanah oleh bukan pemastautin akan dikenakan fi kebenaran 3% atas harga transaksi untuk Perjanjian Jual dan Beli yang telah ditandatangai pada atau selepas 1 Februari 2014.

• Pengecualian diberikan kepada pembelian bagi tujuan industri atau tujuan untuk menggalakkan peluang pekerjaan, pendidikan, bakat manusia atau mempromosikan Pulau Pinang sebagai bandaraya bertaraf antarabangsa dan pintar.

**D. Fi kebenaran 2 peratus untuk Hartanah yang dibeli selepas 1.2.2014 dijual dalam tempoh 3 tahun pertama**

•Fi kebenaran 2 peratus akan dikenakan ke atas penjual untuk semua hartanah yang dijual dalam tempoh tiga tahun dari tarikh Perjanjian Jual dan Beli (SPA) yang ditandatangani pada 1 Februari 2014. Dalam erti kata lain, ini tidak retrospektif. Hartanah yang dibeli di mana SPA ditandatangani sebelum 1 Februari 2014 tidak akan dikenakan fi kebenaran ini.

•Hanya hartanah yang dibeli dengan SPA pada atau selepas 1 Februari 2014 akan dikenakan fi kebenaran 2 peratus jika dijual dalam tempoh tiga tahun.

•Fi kebenaran 2 peratus ini tidak terpakai untuk perumahan mampu milik.

# Pusat Dialisis CAT Negeri perkasa kesihatan rakyat

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BALIK PULAU –** Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang terus memperkasakan program kemasyarakatan dengan pembinaan pusat dialisis di sini baru-baru ini bagi memberi tumpuan kepada penyediaan kemudahan rawatan bagi pesakit buah pinggang.

Pusat rawatan yang diberi nama Pusat Dialisis CAT Negeri Pulau Pinang tersebut dirasmikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Guan Eng pada ucapannya berkata, terbinanya pusat dialisis tersebut adalah untuk memperkasakan perkhidmatan kesihatan dengan memastikan setiap rakyat layak khususnya kepada golongan kurang mampu.

"Sememangnya, terdapat banyak kemudahan dialisis di seluruh negeri ini (Pulau Pinang), tetapi bukan semua individu mampu untuk menjalani rawatan ini disebabkan kosnya yang tinggi.

"Maka, sebagai kerajaan berjiwa rakyat, pusat dialisis ini ditubuhkan agar golongan kurang mampu di luar bandar turut berpeluang mendapat rawatan dan kelengkapan setaraf dengan perkhidmatan di pusat rawatan swasta," ujarnya pada Majlis Perasmian Pusat Dialisis CAT Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Abu Jamal Nordin dan Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Projek seumpamanya yang menepati komitmen tanggungjawab sosial korporat (CSR) tersebut adalah hasil usahasama syarikat pembekal peralatan perubatan, *B. Braun Medical Industry* yang menaja mesin dialisis dengan keseluruhan kos berjumlah RM500,000.

Guan Eng memberitahu, hasil kecekapan kewangan Kerajaan Negeri telah mampu merealisasikan pusat tersebut dengan pemberian subsidi bagi rawatan dialisis kepada golongan yang memerlukan.

"Atas dasar kebajikan, pusat ini bukan bermatlamatkan laba kerana pesakit hanya dikenakan bayaran RM30 bagi setiap rawatan.

"Hasil yang kita (Kerajaan Negeri) dapat kita pulangkan semula kepada rakyat," ujar beliau.



**ANWAR Ibrahim (depan, tengah) bersalaman dengan salah seorang pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di Pusat Dialisis CAT Negeri Pulau Pinang pada majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.**

## Tapak Arkeologi Guar Kepah tidak 'musnah'

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengutuskan sepucuk surat kepada Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah bagi memohon geran RM20 juta untuk pemulihan tapak warisan dunia di negeri ini.

Permohonan geran tersebut termasuklah pemulihan di tapak pra-sejarah Guar Kepah, Penaga, Seberang Perai Utara (SPU) yang menempatkan penempatan awal sejak zaman neolitik hasil kajian serta penemuan Jabatan Arkeologi Universiti Sains Malaysia (USM).

Guan Eng memberikan reaksi tersebut ekoran siaran akaun *Tweeter* milik Menteri Besar Kedah, Datuk Mukhriz Mahathir bertarikh 4 Disember lalu yang membidas bahawa Kerajaan Negeri telah menjadikan Guar Kepah sebagai tempat pertanian.

"Lesen dudukan sementara (TOL) kepada para petani berlokasi di Guar Kepah dikeluarkan sebelum 2008 lagi dan Kerajaan Negeri tidak bercadang melanjutkan tempoh tersebut.

"Surat ini merupakan bukti bahawa kita (Kerajaan Negeri) akan memulihara kawasan pra-sejarah ini," tegasnya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Universiti Teknologi Toyohashi di sini baru-baru ini.

Tambah Guan Eng, surat pertama sebelum ini pernah dihantar kepada Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz bertarikh 5 Ogos 2013.

"Diharap permohonan ini mendapat pertimbangan sewajarnya memandangkan geran terdahulu yang diberikan kepada Think City Sdn. Bhd. (TCSB) telah dibelanjakan sewajarnya bagi pemulihan tapak warisan sedia ada di Pulau Pinang termasuk Guar Kepah yang mampu dikomersialkan lagi," jelasnya.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan bahawa beliau menyambut baik penubuhan Universiti Teknologi Toyohashi memandangkan kerjasama antara dua negara sudah terjalin sejak sekian lama di sini.

"Hubungan erat Jepun - Pulau Pinang jelas menampakkan kesan positif di sebalik pelaburan dalam sektor industri dan kewujudan sekolah-sekolah Jepun di sini.



**BANGUNAN zaman kolonial yang digunakan bagi pengoperasian Universiti Teknologi Toyohashi di Jalan Cantonment.**



**MOHD. Rashid Hasnon (kiri sekali) menyampaikan cek pinjaman mikrokredit kepada salah seorang usahawan pada Majlis Perasmian Karnival Koperasi dan Usahawan 2013 Peringkat Daerah SPT di sini baru-baru ini.**

## Karnival koperasi sasar lahir 150 usahawan

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Inisiatif Kerajaan Negeri membantu usahawan-usahawan kecil di sini melalui bantuan pinjaman mikrokredit di bawah Program Titian Saksama Rakyat (PTSR) terbukti berkesan dalam membuka lebih banyak jaringan perniagaan sedia ada.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon berkata, sehingga kini, seramai 1,500 orang usahawan kecil telah mendapat bantuan pinjaman mikrokredit daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) berjumlah RM1,000 hingga RM5,000.

"Pemberian mikrokredit tersebut terbukti berjaya membantu usahawan di negeri ini apabila sebanyak 95 peratus peminjam telah berjaya melangsaikan pinjaman masing-masing," katanya ketika merasmikan Karnival Koperasi dan Usahawan 2013 Peringkat Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon dan Pegawai Daerah SPT, Jusni Ismail.

Ekspo yang berlangsung dalam tempoh dua hari berkenaan dianjurkan Pejabat Daerah dan Tanah SPT dengan kerjasama Pejabat Timbalan Ketua Menteri I di Tapak Ekspo Seberang Jaya di sini.

Tambah Mohd. Rashid, menerusi penganjuran karnival tersebut, beliau mensasarkan untuk melahirkan 150 usahawan pada tahun depan bagi meningkatkan persaingan sihat sedia ada.

Dalam pada itu, menurut Anwar, inisiatif Kerajaan Negeri menganjurkan program sebegitu adalah wajar dipuji kerana berjaya melahirkan banyak usahawan bumiputera dan koperasi baru.

"Saya berharap agar lebih ramai penduduk Pulau Pinang menyokong usaha ini dan sama-sama menjana ekonomi terutamanya dalam kalangan orang muda," ujar beliau.

# KN alu inisiatif pulih bangunan usang

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri mengalu-alukan mana-mana pihak hartanah untuk bersama pihak berkenaan memulihkan bangunan-bangunan terbengkalai di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri lazimnya sedar bahawa bangunan-bangunan yang terbengkalai di sini akan memberi impak negatif terutamanya dari segi imej, aspek keselamatan, pertumbuhan ekonomi serta tanggungan cukai yang tinggi.

"Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) mengalu-alukan inisiatif tersebut," katanya pada Majlis Perasmian Bangunan *Hexagon Tech Park (Hexagon)* di sini baru-baru ini.

Bangunan Hexagon yang terletak di Jalan Gurdwara merupakan bangunan terbengkalai lebih 14 tahun setinggi 13 tingkat yang telah diberi nafas baru dengan penjenamaan semula oleh syarikat Ferrier Hodgson MH Sdn. Bhd. (Ferrier Hodgson).

Pihak terbabit telah mengambil alih untuk membaik pulih dan meneruskan operasi bangunan berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

Dalam pada itu, wakil Ferrier Hodgson, Andrew Heng menyatakan bahawa sejumlah RM19.8 juta diperuntukan dalam membaik pulih bangunan tersebut.

"Kos berkenaan membabitkan penetapan ruang empat lif penumpang baharu, dua lif kargo, kaca baharu dan bingkai tingkap aluminium, pendawaian semula semua punca elektrik serta suis.

"Kita telah melantik kontraktor bertauliah dari D' Bright Bina Sdn. Bhd. (sebahagian daripada *Tamarin Group)* dan Raine & Horne International Zaki & Partners Sdn. Bhd. sebagai pengurus hartanah dalam projek pemulihan baru-baru ini," jelas Andrew yang turut menghargai kesungguhan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sewaktu proses mendapatkan sijil perakuan kelayakan menduduki *(certificate of fitness)*.

Jelas Andrew, Hexagon yang dahulunya dikenali sebagai Kompleks Adorna Diamond mempunyai 161 unit ruang pejabat dengan keluasan antara 700 kaki persegi hingga 20,000 kaki persegi setiap satu.

"Selain dilengkapi kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi daripada TIME dotcom Berhad (TIME), bangunan yang bakal beroperasi 24 jam seminggu ini turut dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV) dan 207 ruang parkir," ujar beliau.



**KETUA Menteri menurunkan tandatangan sambil ditemani Jagdeep Singh Deo (dua dari kiri) pada Majlis Perasmian Bangunan Hexagon di sini baru-baru ini.**

## PBAPP terima dua pengiktirafan terbaik negara

**GEORGE TOWN -** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) diumumkan sebagai penerima anugerah 'Operator Perkhidmatan Bekalan Air Terbaik' di Malaysia dalam Majlis Penyampaian Anugerah Industri Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) baru-baru ini.

Dalam pada itu, PBAPP turut menerima pengiktirafan sulung 'Anugerah Kecekapan' dalam kategori industri air sekaligus menjadi cerminan kecekapan Pulau Pinang dalam pengurusan dan perkhidmatan bekalan air.




**IR. Jaseni Maidinsa (kanan sekali) menerima sijil pengiktirafan 'Operator Perkhidmatan Bekalan Air Terbaik' daripada Dr. Maximus Johnity Ongkili (depan, tengah) baru-baru ini.**

Pengerusi PBAPP yang juga Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pengiktirafan tersebut membuktikan bahawa PBAPP adalah badan terulung dalam pengurusan dan perkhidmatan bekalan air dalam negara.

"Kita (Kerajaan Negeri) gembira kerana Kerajaan Persekutuan telah secara rasmi mengiktiraf pencapaian PBAPP dalam pengurusan bekalan air walaupun Pulau Pinang mempunyai sumber air yang terhad," katanya dalam suatu kenyataan akhbar di sini baru-baru ini.

Majlis penganugerahan disempurnakan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili.

Pengurus Besar PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa berkata, anugerah yang diterima PBAPP menunjukkan pencapaian dan kejayaan 1,210 kakitangannya dalam merealisasikan pengiktirafan tersebut.

"Dalam memberi perkhidmatan, kami warga PBAPP tidak pernah menjangka untuk memenangi anugerah, tetapi percaya bahawa kami adalah yang terbaik dalam apa jua yang kami lakukan," jelasnya yang mendedikasikan anugerah tersebut kepada Pengerusi, ahli lembaga pengarah dan kakitangan PBAPP.

Antara petunjuk prestasi utama PBAPP pada tahun 2012 adalah pencapaian liputan bekalan air, iaitu 100 peratus bagi liputan dalam bandar dan 99.7 peratus bagi liputan luar bandar.

Selain itu, PBAPP juga telah berjaya mematuhi standard Kualiti Air Kebangsaan yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia dan mencatat 17.6 peratus air tidak terhasil iaitu terendah dalam negara.

PBAPP merupakan anak syarikat milikan penuh PBA Holdings Berhad yang disenaraikan dalam Bursa Malaysia.

## KN bantu pemaju bangun & pulih bangunan terbengkalai

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri akan cuba membantu pemaju swasta termasuk mengetepikan caj-caj tertentu dalam usaha membangunkan dan pulih semula bangunan-bangunan atau projek-projek terbengkalai di negeri ini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Perancangan Bandar dan Luar Bandar dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo pada sidang media selepas Majlis Perasmian Bangunan *Hexagon Tech Park* (Hexagon) di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, sehingga Julai 2013, terdapat empat projek dikenalpasti sebagai terbengkalai iaitu *Majestic Heights,* Taman Mengkuang Heights, Taman Bayu Aman dan Taman Orkid Indah, manakala empat projek swasta dikategori sebagai lewat dan 13 projek lagi dikategori sebagai 'sakit' di sini.

"Kita (Kerajaan Negeri) memandang serius hal ini kerana projek-projek terbengkalai melibatkan kewangan pembeli dan pemaju tidak bertanggungjawab ini telah meletakkan ramai pembeli yang tidak bersalah dalam kesusahan," katanya.

Tambah Jagdeep, dalam memastikan projek-projek akan datang tidak tergolong dalam kategori terbengkalai atau lewat, pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu merancakkan pemantauan termasuk ke tapak dan menyediakan laporan berkala pembangunan projek berkenaan.

"Malah, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) boleh juga membantu PBT dan Kerajaan Negeri dengan melaporkan sekiranya terdapat kelewatan atau projek berkenaan bermasalah," jelas beliau.

Menurut rekod, sehingga Jun lalu, terdapat kira-kira 4,002 projek perumahan yang dalam perancangan dan pembangunan di Malaysia.

Dari jumlah tersebut, sejumlah 3,474 adalah mengikut jadual, 53 dikategorikan lewat, 201 dikategorikan sebagai 'sakit' (30 hingga 90 peratus lewat), terbengkalai (69) dan projek dibangunkan tanpa lessen (205).

Rentetan itu, Kerajaan Pusat telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemulihan Projek Terbengkalai dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara.

Sehingga Jun lalu, sejumlah RM65,907,572.89 telah dibelanjakan untuk membaik pulih semula projek-projek terbengkalai dalam negara.

# MPPP tekad tanam semula pokok tempatan, *Bucida Tikus*

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini mengisytiharkan Tanah Lapang di Jalan Penang di sini sebagai Taman Poket *(Pocket Park)* kelima yang diwujudkan di sekitar bandar dalam usahanya menjadikan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Sejumlah RM5,870 diperuntukkan pihak Majlis bagi Projek Pengindahan dan Penghijauan di kawasan tersebut yang turut ditanam dengan 16 batang pokok terdiri daripada jenis *Dispyrus Boxifolia, Aglaia Korthalsii* dan *Tristaniopsis Whiteana*.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, terdapat sejenis pokok yang akan diperkenalkan semula iaitu *Bucida Tikus* yang mana ianya adalah berasal dari Pulau Pinang.

"MPPP dalam usaha mencari semula sejenis pokok yang dikenali sebagai *Bucida Tikus* yang dipercayai berasal dari negeri ini (Pulau Pinang).

"Kita (MPPP) akan mencari semula pokok ini di luar dan bawa masuk untuk ditanam semula di sini (Pulau Pinang) sebagai usaha memperkenalkannya semula," ujarnya pada Projek Pengindahan dan Penghijauan Tanah Lapang Jalan Penang baru-baru ini di sini.

Turut hadir, Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail, Pengarah Rekreasi, Pelancongan Dan Perhubungan Antarabangsa, Mohamed Akbar Mustapha, Pengarah Jabatan Kejuruteraan, Addnan Mohd Razali dan Ahli Majlis MPPP.

Tambah Kon Yeow, harapannya agar lebih banyak Taman Poket atau Taman Kejiranan akan diwujudkan di Pulau Pinang untuk manfaat bersama.

"Kawasan ini amat terkenal khususnya dalam kalangan warga emas dan pelancong pada waktu petang dan malam untuk bersantai serta berehat.

"Malah, lokasinya yang berhampiran dengan deretan kedai membeli-belah akan menjadikan ia tempat singgahan kelak," ujar beliau.



CHOW Kon Yeow (depan, kanan sekali) menanam pokok *Tristaniopsis Whiteana* sambil disiram Ar. Patahiyah Ismail (dua dari kiri) pada Program Pengindahan Tanah Lapang Jalan Penang di sini baru-baru ini.

## Hari Ulangtahun & Kebangsaan Thailand dirai meriah

**RAI BERSAMA...** Sambutan Hari Ulangtahun Raja Thailand, Raja Bhumibol Adulyadeh Ke-86 dan Hari Kebangsaan negara tersebut diraikan dengan penuh meriah dalam majlis makan malam anjuran pihak Kedutaan Thailand di sini baru-baru ini.



PARA jemputan menggayakan pakaian tradisional Thailand pada Sambutan Hari Ulangtahun Raja Thailand, Raja Bhumibol Adulyadeh Ke-86 dan Hari Kebangsaan negara tersebut di sini baru-baru ini.

Acara diketuai Konsulat Jeneral Thailand di Pulau Pinang, Voradet Viravakin, merakamkan ucapan kehormat kepada Yang DiPertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'azam Shah.

Ucapan kehormat kepada Bhumibol pula disempurnakan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Acara makan malam menghidangkan masakan ala Thai dan tempatan turut diserikan dengan tarian kebudayaan penari-penari yang dibawa khas dari Thailand.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Konsulat Jeneral Jepun, Ryyuji Noda, Konsul Besar Indonesia, Sofiana Mufidah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan ADUN Komtar, Teh Lai Heng.

## Segera lulus 116 lagi TP1M – Exco Perumahan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Kerajaan Pusat dinasihatkan supaya segera meluluskan 116 lagi permohonan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) bagi membolehkan Kerajaan Negeri mengeluarkan peruntukan melalui Program Bantuan Perumahan Rakyat Pulau Pinang *(HAPPY!)*.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Pusat baru meluluskan tiga permohonan sahaja, termasuk projek menyelenggara serta mengecat semula lapan blok rumah pangsa dekat Taman Haji Mohd. Amin di sini baru-baru ini.

Penjamin 1 : MAT DESA BIN SHAARI - RF/64601
NO. 2 LORONG SEJAHTERA 4, ALMA 14000
BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH
Penjamin 2 : NORZILAWATI BINTI ISHAK - 770602076098
NO. 18 LORONG 5, TAMAN JAWI INDAH
14200 SUNGAI JAWI, SPS

No Akaun : 9245
Peminjam : SITI ROHAIZA BT ZAINOL - 820104075044
406 BAGAN AJAM,
13000 BUTTERWORTH,
Penjamin 1 : AHMAD FAIZAL BIN HJ ZAINOL - 690907075635
3-12-A TAMAN AIR TAWAR INDAH,
TELUK AYER TAWAR
13500 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : HALIMATON SAKDIAH BINTI AHMAD - 580304075292
NO.406 BAGAN AJAM,
13000 BUTTERWORTH

No Akaun : 9248
Peminjam : NOR FARAH LIANA BT MOHAMED NASIR - 830302115472
18 LOT 2828, PERMATANG BERANGAN B, \
13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : AZAHAR BIN AHMAD - 650819025375
1281 NYIOR SEBATANG 13300
TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : AZMI BIN SAAD - 620409075655
NO. 2099 SIMPANG TIGA 13300
TASEK GLUGOR, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 9251
Peminjam : TAN HUI SAN - 821213075216
26 LORONG ASAS MURNI 6,
TAMAN ASAS MURNI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NG SIEW POH - 540322075476
1684 MK 15 KAMPUNG BAHRU
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LAI YEOK TING - 700523075114
1525 JALAN TAN SAI GIN
14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9253
Peminjam : TANG WENG LEE - 760803075463
240 JALAN GURDWARA
10300 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TANG WEI LAI - 740524075286
NO. 240 JALAN GURDWARA
10300 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHEONG SIEW CHENG - 520225075548
NO. 7-L JALAN SATU
11400 AIR ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 9255
Peminjam : HAM POK JEN - 830215025145
45 LORONG SEJAHTERA 11,
TAMAN SEJAHTERA, ALMA
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : YONG HUEY LEE - 770224075898
4 LORONG ALMA JAYA 20, TAMAN ALMA
14000 BUKIT MERTAJAM,
SEBEERANG PERAI TENGAH
Penjamin 2 : LEE SEK GUAN - 690710075201
TBP 5737, BUKIT TENGAH
14000 BUKIT MERTAJAM,
SEBERANG PERAI TENGAH

No Akaun : 9256
Peminjam : ANG CHONG AIK - 820401125001
A-7-6 PANGSAPURI RIA, LEBUH KAMPUNG
BENGGALI 12000 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : ANG CHUAN MING - 730810075528
678 PERMATANG BINJAI, 13100 PENAGA,
SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : CHOW KIN HOONG - 720426085351
A-7-6 PANGSAPURI RIA,
LEBUH KAMPUNG BENGGALI
12000 BUTTERWORTH

No Akaun : 9267
Peminjam : HENG KAI PERNG - 821210075093
12 LORONG KERJASAMA 3,
TAMAN KERJASAMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NG BENG PEOW - 801127075457
NO.756 MK 4, KAMPUNG PERTAMA
13500 PERMATANG PAUH,
SEBERANG PERAI TENGAH
Penjamin 2 : TAN CHONG CHONG - 690912075103
NO.1213 MK 4, KAMPUNG PERTAMA
13500 PERMATANG PAUH,
SEBERANG PERAI TENGAH

No Akaun : 9281
Peminjam : NOR AZIZI BIN AHMAD - 830512075165
1008 KUALA MUDA
13110 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : ANUAR BIN AHMAD - 740401075737
NO. 30 JALAN PENAGA 1, TAMAN PENAGA 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : MAFUZAH BINTI MOHAMAD - 770427076532
NO.1052 KUALA MUDA 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 9284
Peminjam : CHEONG YU LING - 830601075036
3 JALAN MUNSHI ABDULLAH
10460 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN HOCK LAI - 591008075507
BLOK 10-11-04, LINTANG KAMPUNG 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TELEMACHUS LO - 710304135059
CHEONG BEE PHENG - 641229075394







# Seagate maju 25 tahun di Pulau Pinang

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU UBAN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri berhasrat untuk belajar daripada Penang Seagate Industries Sdn. Bhd. (Seagate) yang bermula dari 'kosong' sehingga gah berjaya bertapak di negeri Pulau Pinang hari ini.

Hasrat tersebut dinyatakan beliau ketika berucap merasmikan Majlis Makan Malam Ulangtahun Ke-25 kilang berkenaan di sini baru-baru ini.

"Seagate datang melabur ke Pulau Pinang 25 tahun lalu (1988) dengan hanya sebuah kilang biasa sahaja.

"Pada hari ini, kita dapat lihat kejayaan Seagate menjadi sebuah kilang yang berjaya di Pulau Pinang," nyata Guan Eng.

Seagate merupakan antara kilang memproses cakera keras *(hard disk)* ternama di dunia yang bermula di Amerika Syarikat pada tahun 1978.

Menurut Guan Eng, dengan kepimpinan Seagate kini, beliau percaya dalam tempoh 25 tahun akan datang, syarikat tersebut akan bertambah maju dan muncul sebagai pemain industri utama dalam sektor industri di serata dunia.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Seagate, Datuk Steve J Luczo berkata, Seagate telah menjana pelaburan besar sehingga RM3 bilion di negeri ini.

"Pelaburan besar ini dilakukan di atas tanah berkeluasan 12.3 ekar sambil digerakkan 4,000 tenaga kerja bagi menjadikan Seagate maju seperti sekarang.

"Pada masa sama, saya juga melihat negeri majmuk dengan budaya ini sebagai satu kelebihan dari aspek bahasa serta kemahiran lantas menjadikan ia hab terbaik untuk memperkembangkan industri di sini," ujar beliau.



STEVE J. Luczo (dua dari kiri) menyempurnakan gimik pelancaran Majlis Makan Malam Ulangtahun Ke-25 Seagate di sini baru-baru ini.

## ViTrox syarikat pereka pemeriksaan visual unggul



SALAH seorang pekerja tekun mengendalikan pemeriksaan visual unggul pada Hari Terbuka ViTrox Corporation Berhad (ViTrox) dan *Million Heart Musical Concert* di sini baru-baru ini.

**BAYAN LEPAS** - Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini lebih komited ke arah menjadi sebuah negeri yang lebih kompetitif.

Beliau berkata demikian pada Hari Terbuka ViTrox Corporation Berhad (ViTrox) dan *Million Heart Musical Concert* di sini baru-baru ini.

"Kita perlu mewujudkan daya saing baru dan tidak semata-mata bergantung kepada kelebihan yang dimiliki secara semulajadi khususnya untuk menarik minat pelabur asing ke sini (Pulau Pinang)," ujarnya.

Mengulas lanjut mengenai ViTrox, Guan Eng menyifatkan ia sebagai sebuah syarikat pereka pemeriksaan visual yang unggul kerana mampu mencatatkan keuntungan tahunan sebanyak RM100 juta.

"Difahamkan, sebanyak 75 peratus produk ViTrox dihantar ke luar negara bagi meningkatkan mutu dan kualiti dalam pemprosesan pembuatan sambil dibantu 268 orang pekerja berkemahiran," jelas beliau.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Chu Jenn Weng menyatakan bahawa bangunan empat tingkat VITrox yang baru di bina di sini bakal berfungsi sebagai pusat penyelidikan serta pembangunan, pembuatan, pemasaran dan pengurusan.

"Penambahan bangunan baru ini dijangka akan dapat meningkatkan sektor pengeluaran ViTrox kepada empat kali ganda sekaligus menaikkan keuntungan syarikat," jelasnya.

Jenn Weng memberitahu, projek naiktaraf sejak 2011 bernilai RM20 juta tersebut telah siap sebanyak 90 peratus dan bakinya (10 peratus) adalah melibatkan tingkat atas yang masih dalam proses pembinaan.

"Siapnya bangunan berkeluasan 120,000 kaki persegi ini, maka ia adalah selaras dengan ulang tahun pembukaan ViTrox di Bayan Lepas sejak 13 tahun lalu," ujar beliau.

## Kunjungan hormat bincang majlis ulangtahun ke-100



LYUDMILA Georgievna Vorobyeva bertukar-tukar cenderamata dengan Ketua Menteri bersempena kunjungan hormat beliau di sini baru-baru ini.

**BINCANG...** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menerima kunjungan hormat Duta Besar Persekutuan Russia, Lyudmila Georgievna Vorobyeva di pejabat rasmi beliau di Komtar baru-baru ini di sini.

Kunjungan Lyudmila turut ditemani Kapten Tentera Udara dan Laut (Malaysia Brunei), Sergey V. Zhevnovatyy dan isteri kepada Konsul Besar Persekutuan Russia, Louisa Goh (Teoh Seng Lee).

Pertemuan singkat tersebut memberi peluang kepada kedua-dua pihak berbincang bagi mengadakan Majlis Ulangtahun ke-100 *Battle of Penang* yang telah tercetus pada 28 Oktober 1914.

Ulangtahun tersebut yang dijangka diadakan pada tahun depan (2014) di negeri ini dan bakal merangkumi persembahan kebudayaan masyarakat Russia.

# Merokok memudaratkan - Rashid

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**KEPALA BATAS** - Yang Di-Pertua Negeri (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas sendiri turun padang di Masjid Haji Abdullah Fahim di sini bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Masjid Bebas Asap Rokok (MASBAR) peringkat negeri baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd.Rashid Hasnon berkata, kempen itu adalah permulaan pada kempen Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (PENBAR) yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

Justeru, Mohd. Rashid berharap, RM250 yang diperuntukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) kepada tiap-tiap masjid kariah di negeri ini dapat digunakan untuk memacak papan iklan kempen MASBAR sesegera mungkin.

"Ia (MASBAR) wajar disokong dan dipuji sebagai usaha mendidik anak-anak kariah di tiap-tiap masjid untuk melaksanakan fatwa melarang aktiviti tidak sihat ini," ujarnya baru-baru ini di depan lebih 500 hadirin, termasuk ahli jawatankuasa kariah masjid-masjid di negeri berkenaan.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Rosidi Hussain (Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Masjid, MAINPP) turut hadir pada majlis pelancaran itu.

Difahamkan, Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan (MFK) Ke-37 pada 23 Mac 1995 telahpun mengharamkan aktiviti merokok atas sebab memulihara kesihatan serta mencegah penyakit berbahaya.

Sungguhpun tiada nas yang sahih lagi soreh (jelas) melarang aktiviti merokok, tetapi, banyak petunjuk nas (dalalatun nas) jelas menolak kemudaratan amalan itu ke atas tubuh badan manusia.

"Janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan" (Surah al-Baqarah: 195).

"Dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk." (Surah al-A'raf:157).

Berpijak atas *dalalatun nas* ini serta beberapa hujah fiqh lain, larangan merokok yang membawa hukum haram ini dibuat di bawah kategori *al-hukumu li ghairihi*.

Pun begitu, segelintir perokok dalam kalangan umat Islam sendiri masih berdalih bahawa hukum merokok tidak sampai pada status haram kerana memegang pada fatwa lain yang me'makruh'kan aktiviti itu.

Apa pun fatwa yang gemar diikuti oleh umat Islam, Yang di-Pertua MAINPP, Datuk Mohd. Salleh Man berkata, orang Islam hatta bukan Islam sudah boleh menerima bahawa amalan merokok membahayakan kesihatan adalah suatu pegangan yang logik serta wajar disokong.

"Kita tidak boleh berpeluk tubuh lagi, tapi, perlu berdiri untuk melaksanakan fatwa pengharaman rokok yang dibuat sejak tahun 2004 lagi (peringkat negeri Pulau Pinang)," ujar Mohd. Salleh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir pada majlis sama.

Dalam satu kajian, Mohd. Salleh memberitahu, empat daripada 10 orang di negara ini terdedah pada asap rokok di tempat kerja masing-masing.

"Manakala, 86 peratus responden dalam kajian sama mengaku tahu bahaya asap rokok.

"Dalam satu lagi kajian yang dibuat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kira-kira enam juta penduduk dunia mati tiap-tiap tahun akibat asasi rokok.

"Dari jumlah itu, 600,000 mati akibat terhidu asap rokok, sungguhpun mereka bukan perokok," ujar beliau.



DR. Afif Bahardin (kanan sekali), Mohd. Salleh Man (tengah) dan Rosidi Hussain menunjukkan poster MASBAR pada sidang media yang diadakan sebelum majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

## Pokok teduhan hijaukan pesisir Persiaran Gurney

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN–** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) memulakan kerja menanam pokok spesis *Bucida Molineti* sepanjang 300 meter di sepanjang Persiaran Gurney dalam usahanya menghijaukan lagi kawasan tersebut baru-baru ini di sini.

Ahli Majlisnya, Dr. Lim Mah Hui sebelum ini pernah mencadangkan agar pihak Majlis menanam pokok-pokok teduhan di sepanjang pesisir pantai Persiaran Gurney memandangkan kawasan tersebut yang agak terdedah dengan panas terik matahari.

"Kawasan ini adalah tumpuan orang ramai dan laluan basikal. Faktor berhampiran dengan laut menyebabkan sebahagian lokasi ini terdedah kepada terik matahari tanpa pokok-pokok teduhan melainkan yang sedia ada ditanam di dalam pasu-pasu.

"Jadi saya telah mencadangkan kepada pihak Majlis agar sebahagian persisir Persiaran Gurney ditanam dengan pokok teduhan bagi memberikan impak teduhan dan keselesaan buat orang ramai," ujarnya ketika ditemui pada Program Penghijauan di Persiaran Gurney baru-baru ini di sini.

Turut hadir, Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha.



DR. Lim Mah Hui (bertopi) menanam pokok *Bucida Molineti* di persisir pantai Persiaran Gurney sambil dibantu Mohamed Akbar Mustapha (kanan sekali) pada Program Penghijauan di Persiaran Gurney baru-baru ini di sini.

Tambah Mah Hui, sejumlah 30 pokok ditanam di pesisir pantai tersebut dengan jumlah kos sebanyak RM28,600.

"Pokok spesis *Bucida Molineti* yang dipercayai berasal dari Afrika Selatan dipilih ekoran sifatnya yang tahan keadaan cuaca panas terik dan masin," ujar beliau.

## ADUN Pulau Tikus sedia bas percuma

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PULAU TIKUS** - Lanjutan pelaksanaan sistem laluan sehala di sini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus mengambil inisiatif menyediakan perkhidmatan *Pulau Tikus Free Shuttle* yang dilihat menjadi keperluan kepada penduduk-penduduk di sini.



YAP Soo Huey (berdiri, baju putih) menaiki bas bersama penduduk tempatan selepas selesai sesi sidang media di sini baru-baru ini.

Pengenalan perkhidmatan tersebut bukan sahaja memberi perkhidmatan ulang alik percuma antara Jalan Kelawei dan Jalan Burma di sini, tetapi juga kepada pengguna bas yang ingin ke bandar dan Teluk Bahang.

Waktu operasinya adalah dari jam 8 pagi sehingga 11 malam dengan kekerapan antara 15 hingga 20 minit.

ADUN Pulau Tikus, Yap Soo Huey berkata, pelaksanaan insiatif tersebut adalah berdasarkan Kajian Komuniti Pulau Tikus yang dijalankan melalui *mypulautikus.org* baru-baru ini.

"Hasil kajian mendapati bahawa 40 peratus pengguna bas di sini adalah golongan berusia 65 tahun ke atas dan 28 peratus responden mendapati jarak antara kediaman mereka dan hentian bas adalah lebih daripada 200 meter.

"Malah, penggunaan bas awam juga meningkat sehingga 24 peratus sepanjang bulan November lalu," jelasnya dalam sidang media dekat Pusat Khidmatnya di Jalan Jones baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi Prasarana Rapid Penang, Mohd. Shukri Abdul Rahman.

Jelas Soo Huey, bagi melihat keberkesanannya sebelum inisiatif itu dikekalkan adalah data akan dikumpulkan sepanjang tempoh percubaan perkhidmatan bermula 1 Disember lalu sehingga 31 Januari 2014.

"Hentian bas perkhidmatan adalah bermula di persimpangan Jalan Kelawei dan Kolej Avenue melalui Lebuhraya Maktab menuju ke Jalan Burma dan seterusnya ke Jalan Edgecumbe untuk kembali semula ke Jalan Kelawei.

"Terdapat tujuh hentian bas sepanjang laluan tersebut. Orang ramai boleh mengambil bas secara percuma untuk ke hentian lain yang menuju ke George Town atau Teluk Bahang," jelas beliau.

# PIDBF sukan pesat berkembang galak pelancongan negeri



AKSI para peserta pada PIDBF 2013 di sini baru-baru ini.



Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**TELUK BAHANG** - Sebanyak 30 pasukan tempatan dan antarabangsa memeriahkan acara tahunan Festival Perahu Naga Pulau Pinang (PIDBF) 2013 yang berlangsung selama dua hari di Empangan Teluk Bahang di sini baru-baru ini.

Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang berkata, acara tersebut merupakan tradisi tahunan dan sukan yang pesat berkembang dengan penyertaan menggalakkan pasukan perahu naga dari seluruh dunia.

"Perlumbaan Perahu Naga tahunan ini menjadi salah satu jenama ataupun acara sukan termasyur negeri yang mana penganjurannya adalah sebanyak dua kali setahun iaitu pada bulan Jun dan Disember.

"PIDBF umumnya memainkan peranan bukan saja dalam mengekalkan budaya serta tradisi sukan tradisional, malah juga telah membawa pelancong tempatan dan luar negara ke sini (Pulau Pinang)," ujarnya pada Majlis Perasmian PIDBF 2013 di Empangan Teluk Bahang baru- baru ini di sini.

Turut mengambil bahagian adalah pasukan dari Singapura, Thailand, Filipina, United Kingdom, Indonesia dan Brunei.

Sebanyak dua jarak perlumbaan diadakan iaitu kayuhan sejauh 500 meter dan 250 meter melibatkan 14 kategori secara keseluruhan.

Kategori Malaysia Terbuka diungguli pasukan dari Thailand manakala kategori Terbuka Kebangsaan, *Navy Paddle Club* dari Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

# Kejayaan tumpas *Red Warriors* beri motivasi baik pasukan - KM

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



(Dari kiri), HILTON Mauro Moreira, Lee Kwang-Hyun dan Lee Gil Hoon pada sesi sidang media pengumuman pemain-pemain import FAP di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN–** Skuad Harimau Kumbang yang bakal kembali beraksi dalam Liga Perdana pada musim hadapan kini diperkukuhkan dengan kehadiran tiga permain import di sini baru-baru ini.

Mereka ialah Hilton Mauro Moreira, 32, lebih dikenali sebagai Thon Moreira iaitu penyerang dari Brazil; Lee Kwang-Hyun, 32 (pertahanan, Korea Selatan) dan Lee Gil Hoon, 30 (pemain tengah, Korea Selatan).

Terdahulu, Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Datuk Nazir Arif berkata, pihaknya telah menyenaraikan beberapa pemain import bagi mengisi kuota sebagaimana disyaratkan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

"Malah, bagi memastikan pemain skuad Haria Penang Haria dapat terus meningkatkan persefahaman sesama mereka, sebanyak lapan perlawanan pra musim akan diadakan menentang pasukan-pasukan tempatan.

"Sebelum ini, Pulau Pinang telah mengadakan perlawanan persahabatan menumpaskan pasukan Kedah 4-3 dalam aksi yang cukup rancak di Stadium Bandaraya.

"Malah, Skuad Harimau Kumbang turut menumpaskan skuad *The Red Warriors* (Kelantan) dengan kelebihan 2 – 0," katanya pada sidang media khas mengumumkan tiga pemain import pasukan FAP di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Mengulas mengenai keputusan tersebut, Guan Eng menyatakan bahawa, meskipun sekadar perlawanan persahabatan, kejayaan menumpaskan Kelantan telah memberi motivasi yang baik kepada pemainnya.

"Kita percaya skuad Pulau Pinang mampu membentuk gandingan terbaik pada liga musim depan dan kembali menyinar seperti suatu ketika dahulu," ujarnya.

Tambah beliau, perlawanan menentang Kelantan adalah amat bersejarah.

"Setelah hampir 10 tahun, stadium penuh dengan kehadiran kira-kira 15,000 penyokong bola sepak," kata beliau yang turut menyatakan kemenangan skuad Harimau Kumbang memberi sinar harapan kepada para penyokong di sini.

# Pertandingan catur terbesar, 19 negara berentap



AR. Patahiyah Ismail (kiri sekali) beramah-mesra dengan Johan Remaja Kebangsaan, Yeoh Li Tian (duduk) ketika ditemui pada penganjuran Pertandingan Catur Antarabangsa Bandar Warisan Ke-5 di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** - Penganjuran Pertandingan Catur Antarabangsa Bandar Warisan Ke-5 sempena ulang tahun lima tahun George Town diiktiraf sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO menjadi medan pertarungan terbesar dalam negara baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail berkata, pertandingan tersebut berjaya menjadi satu medan pertempuran catur terbesar di Malaysia.

"Lanjutan itu, pertandingan ini berjaya menarik minat lebih 19 negara serata dunia seperti England, Australia, Uzbekistan, Taiwan, Hong Kong, Singapura, Russia, Sepanyol, Filipina, Singapura, Thailand, Indonesia, Vietnam, Brunei dan lain-lain termasuk tuan rumah Malaysia," ujarnya pada ucaptama Penganjuran Pertandingan Catur Antarabangsa Bandar Warisan Ke-5 di sini baru-baru ini.

Penganjuran tersebut adalah hasil usahasama MPPP dan Persatuan Catur Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Patahiyah menyatakan bahawa beliau amat berharap acara tersebut dapat diteruskan pada masa depan dengan sambutan lebih meriah.

# Bangkok Tomyam masak secepat kilat

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



HARGA berpatutan dan perkhidmatan cepat




PENULIS di pintu masuk restoran Bangkok Tomyam.

**PULAU** Pinang turut dikenali sebagai destinasi pelancongan pilihan di rantau ini kerana makanannya yang enak.

Tidak jauh dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dekat Bayan Lepas, ada restoran Bangkok Tomyam.

Restoran ini terletak di Jalan Mahkamah, lebih kurang 500 meter dari Hotel Tabung Haji.

Jalan-jalan kali ini tentulah di Bangkok Tomyam.

Nama pun dah Bangkok Tomyam. Tentu kita sudah boleh membayangkan apakah resepi istimewa di restoran ini?

Memang ya, kebanyakan masakan asli di sini dari Selatan Thai hingga Bangkok.

Isteri, Siti Hajar Hassan memesan nasi putih, tomyam sotong, telur dadar dan teh 'o' ais laici.

Saya pula macam biasa, nasi putih, daging goreng kunyit, sup kosong dan sambal belacan serta air jus oren dan ais kosong.

Tak sampai 10 minit, semua makan sampai, lebih awal daripada air sampai.

"Kalau kedai mamak, air sampai dulu," saya berseloroh.

**IDENTITI**

Selalunya, saya memilih menu yang sama. Maka, tidak susah untuk saya nilai mutu masakan di restoran-restoran yang pernah saya tandang.

"Kedai bersih. Dapur masakan pun bersih. Makanannya, sedap seperti di kedai lain juga," ujar saya.

"Istimewanya kedai ini, masakan yang dipesan cepat sampai," respon Siti Hajar.

Kadang-kadang, pelanggan lebih mengutamakan mutu perkhidmatan, berbanding mutu makanan.

Bangkok Tomyam berjaya membina identiti sendiri, iaitu makanan yang dipesan cepat terhidang macam kilat.

**CAT**

Di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri pun, Ketua Menterinya Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri cuba membina identiti tersendiri sejak tampuk kuasa Kerajaan Negeri berpindah tangan, 8 Mac 2008 lepas.

Kalau kita tidak lupa, Guan Eng mengamalkan tender terbuka.

Menurut Guan Eng, amalan tender terbuka lebih telus serta menguntungkan rakyat.



GAMBAR hiasan hidangan tomyam Thailand.

Pembangkang Kerajaan Negeri menuduh pentadbiran Guan Eng cuba menghakis kuasa Melayu serta menghapuskan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Sampai sekarang, Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) terus dipertahan sebagai salah satu identiti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sebagai contoh, Kerajaan Negeri Barisan Nasional menjual 3,661 ekar tanah dan memperoleh hasil RM1.06 bilion kerana rundingan langsung.

Pentadbiran Guan Eng menjual 106.1 ekar tanah dan mengaut hasil RM1.11 bilion kerana tender terbuka.

Padanlah, Kewangan Pulau Pinang diiktiraf dalam Laporan Ketua Audit Negara. Integriti menjadi identiti Kerajaan Negeri.

**KENALI TOMYAM BANGKOK**

"Sebenarnya masakan paling istimewa di sini bukan daging goreng kunyit atau tomyam sotong.

"Paling istimewa di sini adalah ikan siakap masak stim (kerana) tak bau hanyir dan sangat sedap diratah," jelas kenalan saya itu.

Harga ikut saiz ikan.

Kalau saya tidak datang berduaan, saya akan pesan makanan ikut set kerana lebih murah dan berbaloi.

Dari segi harga pun, cukup berpatutan. Tak rugi datang bertandang di sini.

Terlanjur bercakap mengenai keistimewaan Bangkok Tomyam ini, saya sempat temuramah dua pekerja tempatan di warung ini.

Dari maklum balas yang diterima, tujuh tukang masak wanita adalah tulang belakang Tomyam Bangkok 'masak cepat macam kilat'.

Lima pekerja lelaki lain berperanan sebagai pelayan, juruwang dan 'bentara'.

Difahamkan, Tomyam Bangkok mula beroperasi hampir 15 tahun dahulu.

Pemiliknya, orang tempatan yang mesra dengan panggilan Kong.

Isteri Kong orang Pattani. Namanya, Sunida Behnawan.

Sunida dikenali cekap dalam bidang masakan, sekaligus, melengkapkan pengalaman serta bakat berniaga yang ada pada diri Kong sendiri.

Bangkok Tomyam beroperasi tiap-tiap hari, bermula jam 12 tengah hari hingga 1 pagi.

Bangkok Tomyam paling ramai dikunjungi pada waktu rehat hari bekerja kerana masakan panas-panas boleh dinikmati 'cepat macam kilat'.

Hubungi segera **04 – 643 2205** atau **012 – 425 9227 k**erana Bangkok Tomyam turut menyediakan khidmat pesanan pelbagai makanan.

Paling baik, datang sendiri ke sini dan nikmati masakan ala Bangkok seperti saya.

Berbaloi!



SALAH seorang pengunjung dengan menu masakan yang dipesan.

# Beza pendapat di DUN 'perkara biasa' – Speaker

**SPEAKER** Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Datuk Law Choo Kiang mengaku mutu perbahasan, khususnya yang membabitkan wakil rakyat baru acap kali menarik perhatiannya sepanjang berlangsungnya menyuarat mengenai Bajet 2014.

"Beberapa YB (Yang Berhormat) baru nampaknya menunjukkan kemampuan masing-masing sepanjang sesi perbahasan di dewan ini.

"Mereka nampaknya begitu bagus serta cepat menyesuaikan diri," ujar Choo Kiang semasa diminta berkongsi pengalaman pertama dalam mengendali sesi perbahasan bersama-sama wartawan Buletin Mutiara (BM) **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini.

Beliau nampak begitu ceria dan bertenaga, sungguhpun baru selesai menyudahkan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama DUN Ke-13.

Bagi yang belum mengenai personaliti ini, Choo Kiang pernah melanjutkan pengajian dalam bidang *Business Administration* di *National Chung Hsing University,* Taiwan dan memperoleh Ijazah Pentadbiran Perniagaan pada tahun 1994.

Choo Kiang sudah berkeluarga dan mempunyai dua cahaya mata.

Sebelum terjun dalam arena politik, beliau sudah mempunyai kerjaya dalam pengurusan kilang di Shezhen, China.

Tidak cukup dengan itu, Choo Kiang menjawat jawatan pengurus di beberapa kilang multinational, membayangkan beliau berinteraksi dengan pelbagai jenis personaliti sebelum ini.

Sekarang, Choo Kiang masih merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, untuk penggal kedua.

Selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 pada 5 Mei lepas, beliau menggantikan Datuk Abdul Halim Hussain mengisi jawatan penting itu.

Choo Kiang pada penggal pentadbiran lepas pernah dilantik menjadi Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir.

Pengalamannya sebagai Exco yang turut menyertai perbahasan di DUN sejak Mac 2008 sudah tentu dimanfaatkan untuk mengenadali sidang mesyuarat baru-baru ini, terutama ketika berlakunya pertembungan pendapat secara tajam antara anggota mesyuarat.

"Pertembungan pendapat secara tajam bukan perkara yang baru berlaku pada sidang mesyuarat baru-baru ini sahaja. Pada setiap kali sidang mesyuarat, perbezaan pendapat ini seringkali kali berlaku. Ini, perkara biasa.

"Sebagai Speaker DUN yang mempengerusikan mesyuarat, saya sedaya upaya memberi ruang kepada semua pihak ini untuk mengemukakan pendapat masing-masing, lengkap dengan hujah serta data.

"Ada YB yang baru lebih membuat persiapan seperti mengemukakan data serta fakta mengenai satu-satu isu yang dibahaskan di dewan ini, tetapi, perbahasan seringkali dibawa kepada satu-satu isu yang bersifat politik," ujar beliau lagi.



LAW Choo Kiang.

Justeru, Choo Kiang mencadangkan semua ADUN yang ingin menyertai perbahasan pada sidang DUN depan mungkin akan diminta untuk menyebut terlebih dahulu subjek yang ingin disentuh supaya kualiti mesyuarat boleh dipertingkatkan.

**Pembangkang Keluar Dewan**

Kesemua 10 ADUN Pembangkang Pulau Pinang bertindak keluar dari DUN gara-gara mendakwa ketua mereka, Datuk Jahara Hamid tidak diberikan ruang sewajarnya semasa sidang perbahasan berlangsung antara insiden yang menarik perhatian banyak pihak.

Choo Kiang memberi komen tersendiri semasa diminta memberi respon mengenai insiden itu.

"Sepatutnya mereka tidak perlu keluar dewan kerana tindakan keluar dewan selalunya dilakukan apabila sesuatu yang benar-benar besar berlaku di dewan ini.

"Walaupun kuat diasak oleh ADUN tertentu di dewan ini berhubung isu Ketua Pembangkang (Jahara) didakwa mengeluarkan kenyataan berunsur rasis, mereka (ADUN Pembangkang) sepatutnya mengemukakan hujah serta fakta sahaja jika ada untuk membela ADUN Teluk Air Tawar (Jahara).

"Bagaimanapun, mana-mana YB yang tidak berpuas hati dengan sesuatu perbahasan di dewan ini, keluar dari dewan merupakan salah satu cara. Cara yang lebih baik sebenarnya mempertahan hujah masing-masing secara kualiti," ujar beliau lagi.

**"Doktor Rasis"**

Tanpa merujuk kepada mana-mana ADUN, Choo Kiang menasihatkan supaya satu-satu perkara yang mahu dibangkitkan di dewan sewajarnya berpijak pada fakta serta data yang sahih.

Itu, katanya, dapat mengelak daripada pertikaian berpanjangan daripada anggota mesyuarat yang lain di Dewan.

Choo Kiang berkata, ADUN Pinang Tunggal, Datuk Roslan Saidin dirujukkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan DUN kerana ADUN Jawi, Soon Lip Chee membawa usul tersebut untuk diperbahaskan, sebelum diterima majoriti ahli mesyuarat dewan.

Menurut Choo Kiang, Roslan dirujuk ke jawatankuasa itu kerana ADUN Pembangkang tersebut pada sidang DUN lepas membangkitkan isu beberapa doktor berbangsa Cina tidak memberi layanan sewajarnya kepada pesakit berbangsa Melayu.

Roslan turut mengaitkan dakwaan tanpa asasnya itu dengan Tsunami Cina, iaitu suatu anggapan umum media arus perdana tertentu bahawa majoriti pengundi Cina di negeri ini tidak lagi menyokong UMNO dan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-13, 5 Mei lepas.

Bagaimanapun, Choo Kiang berkata, sistem demokrasi masih memberi ruang kepada Roslan untuk membela diri semasa berdepan dengan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan DUN Pulau Pinang nanti.

"Ini masih demokrasi kerana ADUN Pinang Tunggal masih boleh membela diri nanti," ulang Choo Kiang sekali lagi mengenai ketetapan yang dibuatnya di DUN baru-baru ini.

**Mutu DUN**

Choo Kiang berkata, pihaknya senantiasa berusaha menaik mutu persidangan di dewan sebagaimana dihasratkan oleh rakyat, termasuk memastikan website DUN Pulau Pinang *(http://dun.penang.gov.my)* lebih bersifat infomatif.

"Dulu tidak ada. Tetapi, semua rakyat boleh mengakses secara langsung mengenai perbahasan YB-YB mereka pada sidang kali ini selepas kita menaik taraf laman web DUN.

"Semua orang boleh menilai saya, jawapan-jawapan Exco Kerajaan Negeri, ADUN tidak kira (pro) Kerajaan atau pun pembangkang kerana semuanya secara langsung di internet sepanjang perbahasan Bajet 2014 baru-baru ini," tambahnya.

Pada kesempatan ini, beliau berkata, pihaknya sedang mengambil pendapat semua pihak untuk memperkenalkan sistem penilaian mutu perbahasan semua ADUN untuk manfaat langsung rakyat di negeri ini.

"Sebelum ini, kita ada mengedarkan borang tinjauan untuk mendapatkan maklum balas mengenai mutu makanan yang disediakan sepanjang mesyuarat di dewan ini, saya sedang mendapatkan pendapat beberapa pihak lagi untuk memperkenalkan satu sistem penilaian untuk mendapatkan maklum balas mengenai mutu perbahasan YB-YB pula selepas ini," kata Choo Kiang.

# MPSP sasar semua premis makanan capai Gred A

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG PERAI –** Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif mensasarkan kesemua premis makanan di Seberang Perai dapat mencapai tahap kebersihan dan keselamatan Gred ‘A’ dalam waktu yang terdekat ini

Maimunah berkata demikian pada Majlis Perasmian Bengkel Peningkatan Tahap Kebersihan dan Keselamatan Premis Makanan di ibu pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

“Sasaran Kebersihan Persekitaran yang dibuat ini adalah selari dengan enam aspek utama Fokus MPSP 2013.

“Pelbagai perancangan, pendekatan dan aktiviti dijalankan MPSP dan Kerajaan Negeri demi menjaga kesihatan penduduk negeri ini,” jelasnya.

Turut hadir, Setiausaha Majlis bagi MPSP, Sr. Rozali Mohamud, Dr. Romli Awang (Pengarah Perkhidmatan Kesihatan MPSP), Dr. Rafidah Mohd. Noor (Pegawai Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah) dan pengusaha-pengusaha premis makanan yang dijemput.

Menurut Maimunah, MPSP mengambil berat tahap kebersihan premis makanan berikutan terdapat kes kematian yang menggemparkan negara suatu ketika dahulu akibat keracunan makanan berpunca daripada masakan tercemar.

“Kebersihan premis makanan memerlukan komitmen penglibatan komuniti dan juga kesedaran pengusaha dan pelanggan restoran.

“Jarang sekali kita dengar premis yang bersih jadi pilihan utama pengunjung...sikap dan tanggapan bahawa ‘asalkan sedap, premis kotor pun tidak mengapa’ telah menjadi budaya masyarakat kita,” ujarnya.

Dalam pada itu, Maimunah turut memberitahu bahawa pengusaha premis makanan yang hadir merupakan daripada mereka yang mendapat Gred penilaian ‘C’.

“Pengusaha-pengusaha ini dijemput sebagai salah satu langkah MPSP membantu pihak terbabit mencapai gred yang lebih baik, khususnya dari aspek kualiti, keselamatan dan pengendalian makanan selamat.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kanan) dan Sr. Rozali Mohamud (kanan sekali) menunjukkan contoh sayur segar pada Bengkel Peningkatan Tahap Kebersihan dan Keselamatan Premis Makanan di sini baru-baru ini.**

“Walaupun kehadiran tidak mencapai sasaran, MPSP berharap pengusaha-pengusaha makanan ini dapat mengaplikasikan pengetahuan daripada bengkel ini pada masa akan datang,” jelas beliau.

Tambahnya, berdasarkan tujuh rekod Ops Premis Bersih bermula dari bulan Ogos hingga November lalu, sebanyak 220 premis makanan diperiksa di sekitar Seberang Perai.

Daripada jumlah itu, sebanyak 35 premis ditutup di bawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983 dan sebanyak 125 kompaun telah dikeluarkan.

“Kebanyakan premis yang mendapat Gred ‘A’ adalah premis francais seperti restoran makanan segera, *McDonalds* dan *Pizza Hut*.

“Diharap restoran-restoran ini dapat dijadikan contoh kepada pengusaha premis makanan tempatan,” seru Maimunah.

## Ralat



arah bandar hijau

SEKUMPULAN pelajar lelaki yang menyertai al-Quran dan Pemantapan Ibadah dekat sini ba

Sidang editorial memohon maaf di atas kesilapan kapsyen terbitan edisi 1 – 15 Disember 2013, muka surat 24, artikel bertajuk, Perai ke arah bandar hijau.

Kapsyen yang betul adalah seperti berikut :

**SEKUMPULAN kanak-kanak sedang memerhatikan bahan-bahan pameran pada Program Penghijauan Perai di sini baru-baru ini.**

## Taman permainan beri kemudahan semua

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Bagi menggalakkan gaya hidup sihat serta memberi peluang untuk anak-anak istimewa bermain dan bergaul seperti anak-anak normal, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dengan kerjasama beberapa pihak berjaya mewujudkan Taman Permainan Mudah Akses sejagat terletak di Taman Perbandaran atau juga dikenali sebagai Taman Belia di sini baru-baru ini.

Dengan keluasan kira-kira 1,000 meter persegi, taman permainan hasil inisiatif bersama Kerajaan Negeri serta Persatuan Sukan dan Rekreasi Orang Kurang Upaya Pulau Pinang (PESRON) tersebut turut memberi peluang kepada golongan istimewa untuk beriadah dan bersenam bersama ahli keluarga.

Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail dalam ucapannya berkata, Taman Permainan berkenaan mula dibina pada 15 Julai lalu dan siap sepenuhnya kira-kira empat bulan kemudian (10 November 2013).

“Taman permainan ini mengambil masa agak lama dari segi rekabentuk kerana ia melibatkan PESRON dan pematuhan Prinsip Asas Rekabentuk Sejagat atau *Principles of the Universal Design* yang bukan sahaja sesuai untuk kanak-kanak normal tetapi juga golongan orang kurang upaya (OKU).



**RUPA bentuk Taman Permainan Mudah Akses sejagat yang terletak di Taman Belia di sini.**



**KANAK-kanak istimewa dibawa ke Taman Permainan Mudah Akses sejagat bersempena majlis pelancarannya di sini.**

“Pada masa sama, ia turut melibatkan projek pengindahan seluruh kawasan taman permainan termasuk tandas awam khas untuk golongan OKU, menaiktaraf tanah lapang Taman Poket Jesselton dan laluan trek jogging berdekatan Taman Permainan ini,” katanya pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Taman Permainan menelan belanja RM490,000 terbabit dilengkapi dengan *rubber raised floor* mats iaitu kemudahan permainan mesra OKU dan ruang parkir khas untuk golongan itu.

Majlis pelancaran taman berkenaan disempurnakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Turut hadir, Presiden PESRON Pulau Pinang, Profesor Madya Dr. Tiun Ling Ta, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Ahli Dewan Undangan Negeri Kebun Bungah, Cheah Kah Peng dan Ahli-ahli Majlis, MPPP.

# Negeri bakal laksana Sistem Perkongsian Basikal




CHOW Kon Yeow (tiga dari kiri) bersama-sama pegawai-pegawai MPPP meneliti pelan Sistem Perkongsian Basikal yang akan dilaksanakan di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Sistem Perkongsian Basikal akan dilaksanakan di sekitar George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO di sini tidak lama lagi, sekaligus, menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri berbasikal pertama di negara ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pengguna boleh menyewa perkhidmatan awam itu secara saling berkongsi serta layan diri.

"Sistem Perkongsian Basikal telah berjaya dipraktik dengan baik di negara Eropah, Amerika Syarikat, China dan Jepun...(sekaligus) mempromosi aktiviti berbasikal sebagai pengangkutan alternatif yang sihat serta mesra alam berbanding kenderaan bermotor," ujarnya di Dewan Bandaran Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini baru-baru ini.

Demi merealisasikan pelan pengangkutan awam masa depan itu, Kon Yeow berkata, semua syarikat yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) layak memohon projek tersebut secara tender terbuka.

"Mana-mana pihak yang berminat menyertai tender terbuka diwajibkan menghadiri taklimat mengenainya di Bilik Mutiara, Komtar pada 6 Januari 2014," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Kon Yeow memberitahu, mereka yang berminat boleh berdaftar dan memuat naik Dokumen Penyataan Hasrat (RFP) melalui sistem e-Perolehan (*ep.penang.gov.my*) dengan bayaran RM50 secara online.

"Tarikh tutup penyerahan tender adalah pada 12.00 tengah hari, 5 April 2014," kata beliau.

# Lukis poskad didik pelajar hargai alam sekitar

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG PERAI –** Pertandingan Melukis Poskad dan Mencipta Cogankata *'I Love Clean & Green'* anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini berjaya menarik kira-kira 50 penyertaan dalam kalangan pelajar prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah di sini.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, penganjuran pertandingan tersebut bertujuan memberi pendedahan awal kepada warga Seberang Perai khususnya para pelajar berhubung pentingnya kebersihan dan usaha penghijauan berterusan di sekitar kawasan kediaman.

"Tema *I Love Clean & Green* dipilih kerana ia sejajar dengan moto Kerajaan Negeri iaitu Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

"Inisiatif ini merupakan sebahagian segmen penting dalam agenda pengindahan Seberang Perai termasuk program kitar semula, sisa sifar, sekolah hijau, *Clean Up The World* dan *Community Farming,"* katanya pada Majlis Pelancaran Pertandingan Melukis Poskad dan Mencipta Cogankata *'I Love Clean & Green'* di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng dan dua Ahli Majlis MPSP, Ho Leng Hong serta Chong Pei Pei.

Turut terlibat dalam jawatankuasa penganjur adalah Pasukan Wanita LA21 Kecemerlangan Wanita.

Setiap peserta menerima sijil penyertaan dan pemenang membawa pulang sebuah piala dan sejumlah wang tunai mengikut ketetapan masing-masing.

Maimunah memberitahu, melalui pertandingan berkenaan, para pelajar bebas menonjolkan kreativiti masing-masing bagi mengekspresikan idea menjaga alam sekitar.

"Serentak itu, ia juga dapat mencungkil bakat terpendam pelajar dalam menghasilkan karya kreatif," ujarnya.




CHONG Eng (kanan sekali) dan Maimunah Mohd. Sharif (dua dari kanan) meneliti salah sebuah lukisan poskad yang dihasilkan pada Pertandingan Melukis Poskad dan Mencipta Cogankata *'I Love Clean & Green'* di sini baru-baru ini.

**SENARAI KOMPLEKS TIDAK AKTIF MPSP YANG BELUM DISEWA (SEHINGGA 10 DISEMBER 2013)**

**SPU**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Lorong Sungai Lokan 3/2 | **10** | **0** | **10** |
| 2 | Kompleks Lorong Sg. Lokan 5 | **20** | **0** | **20** |

**SPT**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kompleks Taman Bidara | 22 | 0 | 22 |
| 2 | Kompleks Taman Jambu | 7 | 0 | 7 |
| 3 | Taman Teguh, Pmtg Tinggi | 15 | 0 | 15 |
| 4 | Jalan Usahajaya | 24 | 0 | 24 |
| 5 | Taman Permai Jaya | 12 | 0 | 12 |
| 6 | Jalan Pala 4, Pmtg. Tinggi | 24 | 16 | 8 |
| 7 | Taman Seri Arowana | 6 | 0 | 6 |

**SPS**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Taman Nafiri, Sg. Bakap | 11 | 0 | 11 |
| 2 | Taman Serunai, Bkt. Panchor | 14 | 0 | 14 |
| 3 | Pasar Taman Jawi Jaya | 14 | 0 | 14 |
| 4 | Pasar Tambun Indah | 17 | 0 | 17 |

**Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hadir ke Ibu pejabat MPSP Bandar Perda atau berhubung dengan Pegawai di Jabatan Pelesenan Mpsp di talian 04-5497678/685/843/844/675*

# Penduduk Perai perangi denggi

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PERAI –** Catatan 18 kes denggi di sekitar Perai di sini amat membimbangkan sehingga membawa kepada penganjuran Kempen Kemajuan Keselamatan Komuniti dan Kesihatan anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Inderawasih di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani berkata, walaupun tiada kes kematian dicatatkan di Seberang Perai, statistik kes yang ditunjukkan sepatutnya dapat membuka mata penduduk di sini tentang betapa pentingnya menjaga kebersihan persekitaran.

"Usaha seperti ini harus diteruskan bagi memastikan kawasan ini boleh menjadi kawasan bebas denggi," ujarnya pada majlis perasmian kempen di sini baru-baru ini.

Kempen yang turut menyelitkan ceramah mengatasi pembiakan nyamuk denggi, pencegahan jenayah, sketsa kebersihan oleh JKKK dan pameran Majlis Perbandaran Seberang perai (MPSP) serta Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dihadiri kira-kira 100 penduduk sekitar.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Dr. Rafidah Mohd. Noor (Pegawai Kesihatan Daerah SPT) dan dua orang Ahli Majlis MPSP, M. Satees dan P. David Marshel.

Dalam pada itu, Ramasamy menyatakan bahawa kebersihan dan kesihatan merupakan tanggungjawab bersama tanpa terlalu mengharapkan tindakan MPSP sahaja.

"Penduduk seharusnya bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran kediaman masing-masing terlebih dahulu dan perlu peka dengan kesan daripada wabak denggi.

"Inisiatif dijalankan JKKK kawasan ini patut dipuji dan berharap usaha yang dijalankan dapat menjadikan kawasan ini semakin bersih dan sihat untuk didiami," ujar beliau.



**GOLONGAN kanak-kanak terpegun melihat replika nyamuk denggi sempena penganjuran Kempen Kemajuan Keselamatan Komuniti dan Kesihatan di sini baru-baru ini.**

## Murid terpilih terima bantuan pakaian sekolah



**ASROL Sani Abd. Razak (kanan) menyampaikan bantuan pakaian dan kelengkapan persekolahan kepada salah seorang penerima dekat Kampung Datuk di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BERTAM –** Seramai 200 murid terpilih mampu dan anak yatim daripada enam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dipilih untuk menerima bantuan pakaian dan kelengkapan persekolahan di Kampung Datuk, di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bertam, Asrol Sani Abd. Razak ketika ditemui berkata, sumbangan tersebut adalah hasil sumbangan Zakat Pulau Pinang (ZPP), Kerajaan Negeri dan beliau sendiri.

"Diharap sumbangan diterima ini mampu menyuntik semangat adik-adik (para penerima) untuk berusaha dan belajar bersungguh-sungguh bagi mencapai keputusan yang cemerlang.

"Murid-murid dipilih ini adalah daripada keluarga yang benar-benar memerlukan bantuan tanpa mengira fahaman politik," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Selain pengerusi JKKK, turut serta dalam agihan bantuan pakaian dan kelengkapan persekolahan ialah Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin.

Seramai 40 murid dari JKKK Padang Benggali, JKKK Permatang Sintok (40), JKKK Kampung Bertam (40), JKKK Permatang Serdang dan Kepala Batas (40), dan JKKK Kampung Datuk (40) menerima bantuan pakaian dan kelengkapan persekolahan bagi Sesi Persekolahan 2014.



**PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT PENYELARAS KADUN SG.ACHEH N21**



**D/A Pusat Komuniti JKKK**
**Simpang Tiga,**
**Jalan Besar,Taman Seri Acheh,**
**14300 Nibong Tebal,**
**Pulau Pinang.**
**No. Tel. : Mohamad Razak (PPK)**
**013 - 5976 478**
**Mohd. Yaser Abdul Rahman (Pembantu)**
**012 - 6794 704**

# Skuad Desa Mawar F.C. juara bola sepak

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**AIR ITAM** - Skuad Desa Mawar F.C. muncul juara pada Kejohanan Bola Sepak Tujuh Sebelah Piala Y.B. Wong Hon Wai dekat Padang Suria di sini baru-baru ini.

Dengan kemenangan tersebut, Desa Mawar F.C. membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,000, pingat, sijil penyertaan berserta sebuah piala.

Menurut Hon Wai yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, sebanyak 11 pasukan menyertai kejohanan yang julung kali diadakan berkenaan.

"Walaupun pertama kali dianjurkan secara kalah-mati, sokongan dan penyertaan pasukan-pasukan menunjukkan semangat untuk bersukan.

"Hal ini merupakan petunjuk yang baik dalam melahirkan pemain berbakat untuk menyertai liga bola sepak kelak," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Kejohanan Bola Sepak Tujuh Sebelah dianjurkan bersama Pejabat Khidmat ADUN dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Zoo.

Terdahulu, Hon Wai turut meluangkan masa mengedarkan kalendar tahun 2014 beliau dan Buletin Mutiara sekitar Pasar Awam Air Itam di sini.



WONG Hon Wai (kiri sekali) berjabat tangan dengan salah seorang pemain pada Kejohanan Bola Sepak Tujuh Sebelah Piala Y.B. Wong Hon Wai dekat sini baru-baru ini.



SALAH seorang penerima (tengah, bertudung) ceria menerima kalendar sumbangan Wong Hon Wai (tengah, baju putih) di Pasar Awam Air Itam di sini.

# Bantuan seragam sekolah ringan beban ibu bapa

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SERI DELIMA –** Seramai 455 orang murid sekolah rendah yang menetap di Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Delima menerima bantuan pakaian seragam sekolah untuk sesi persekolahan tahun hadapan di sini baru-baru ini.

Menurut ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer, program yang bermula sejak tahun 2009 tersebut bertujuan meringankan beban ibu bapa setiap kali hadirnya sesi persekolahan di mana banyak wang perlu dibelanjakan.

"Peruntukan perbelanjaan sumbangan kali ini adalah keseluruhan berjumlah RM35,000.

"Setiap pelajar disumbangkan baucar untuk ditukarkan kepada kelengkapan pakaian seragam sekolah masing-masing," ujarnya pada Majlis Penyampaian Bantuan Pakaian Seragam Sekolah Sesi Persekolahan 2014 di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Tun Sardon di sini baru-baru ini.

Tambah Rayer, pada tahun depan, beliau berhasrat melanjutkan penyampaian sumbangan tersebut kepada pelajar-pelajar sekolah menengah atas inisiatif sama.



R.S.N. Rayer (dua dari kanan) mengenakan baju sekolah kepada salah seorang pelajar pada Majlis Penyampaian Bantuan Pakaian Seragam Sekolah Sesi Persekolahan 2014 di sini baru-baru ini.

# Program 'serangkai' Kampung Terang kukuhkan ukhuwah



MOHD. Tuah Ismail (kanan sekali) menyampaikan bantuan kelengkapan dan pakaian sekolah kepada sebahagian pelajar pada Program Cleaner, Greener Penang, Sukaneka Kampungku dan Penyampaian Bantuan Baju Sekolah di sini baru-baru ini.

**MERIAH...** Program Cleaner, Greener Penang, Sukaneka Kampungku dan Penyampaian Bantuan Baju Sekolah yang bertujuan mengenali penduduk kampung dan mengukuhkan ukhuwah sedia terjalin antara penduduk kampung serta kepimpinan negeri berjaya memperoleh penyertaan seramai 200 penduduk Kampung Terang, Balik Pulau baru-baru ini.

Antara program yang diselitkan dalam program serangkai hasil anjuran bersama Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Pusat Khidmat Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong adalah aktiviti gotong-royong di Balai Raya Kampung Terang, sukaneka desa dan menjamu selera beramai-ramai macam kenduri.

PPKnya, Mohd. Tuah Ismail berkata, suasana harmoni yang tercetus ketika penganjuran program menyuntik semangat pihaknya untuk mengadakan dengan lebih kerap program-program serangkai sebegitu pada masa hadapan.

Dalam pada itu, turut diraikan adalah 53 pelajar kurang mampu yang menerima bantuan pakaian dan kelengkapan persekolahan.

Turut disumbangkan adalah tiga unit kerusi roda kepada warga emas uzur dalam kawasan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Terang dan JKKK Kampung Genting.

# Bakat Si Cilik – Mewarna!!



Cekap



Akauntabel



Telus

Sila isi butiran berikut:

Nama : ______________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ______________________

Alamat: ______________________

______________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ______________________

No. Telefon : (Rumah) ____________ (Bimbit) ____________

Emel: ______________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
2. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
3. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
4. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
5. Keputusan pengadil adalah muktamad.
6. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
7. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 14 Februari 2014.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM200**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**20 Hadiah Saguhati**